

**EIA3005 LATIHAN ILMIAH**

**KELUARGA SEBAGAI AGEN SOSIALISASI**

**POLITIK UTAMA: KAJIAN KES DI KAMPUNG ISTANA,**

**BATU PAHAT**

**MARINAYADZMIN BINTI MOHAMAD RADZIF**

**17170177/1 (EIA170075)**

**FAKULTI EKONOMI DAN PENTADBIRAN**

**UNIVERSITI MALAYA**

**DISEDIAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN**

**DARIPADA KEPERLUAN SYARAT IJAZAH**

**SARJANA MUDA EKONOMI**

**SESI 2019/2020**

### **PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Saya mengaku Latihan Ilmiah ini adalah hasil kerja saya sepenuhnya kecuali maklumat, petikan dan rujukan yang digunakan telah dijelaskan sumbernya. Saya juga mengaku bahawa kandungan Latihan Ilmiah ini adalah asli dan tidak pernah diserahkan untuk tujuan lain di Universiti Malaya atau institusi lain. Saya bertanggungjawab sepenuhnya atas segala kandungan di dalam Latihan Ilmiah ini dan Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran serta Universiti Malaya tidak disabitkan dalam apa-apa tindakan undang-undang yang timbul daripada kajian ini.

Tandatangan Calon : .....

Nama : Marinayadzmin Binti Mohamad Radzif

No Matrik : 17170177/1 (EIA170075)

Tarikh : 23hb Ogos 2020

## **PENGHARGAAN**

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Illahi kerana memberikan kekuatan sepanjang proses penyelidik menyempurnakan latihan ilmiah ini. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada keluarga tercinta khususnya, ibu-bapa serta datuk dan nenek yang memberi motivasi dan sokongan moral. Mereka juga bukan sahaja memberi bantuan dari sudut kewangan malahan juga telah memperkenalkan pengkaji kepada komuniti Kampung Istana yang sukarela menjadi responden latihan ilmiah ini.

Penghargaan istimewa buat Prof. DR Khadijah Md Khalid yang selama ini telah mencerahkan segala ilmu dan pengetahuan yang sangat bernilai untuk digunakan pada masa hadapan. Terima kasih juga kerana telah banyak bersabar dengan karenah pengkaji dan sentiasa memberikan input serya pandangan peribadi mengenai hasil penulisan kajian. Tidak dilupakan juga untuk Cik Izzah kerana sudi meluangkan masa untuk memberikan pandangan sepanjang proses menyiapkan hasil kajian ini. Semoga silaturahim kita terjalin selamanya.

Sekapur sireh buat penduduk-penduduk Kampung Istana yang telah memberi kerjasama yang sangat baik sepanjang proses temu bual dijalankan. Tidak terkecuali ketua cawangan UMNO di Kampung Istana, En Salleh yang telah sudi meluangkan masa untuk ditemu bual.

Terima kasih juga buat rakan-rakan seperjuangan terutama Aiman Syah yang sama-sama memberi galakan serta menyemak kembali segala penulisan kajian dari semasa ke semasa. Kalian merupakan pelengkap kepada hasil penulisan kajian ini. Semoga persahabatan kita sehingga ke akhir hayat.

Akhir sekali, terima kasih kepada Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran Universiti Malaya kerana telah memberi peluang untuk melakukan latihan ilmiah ini. Jasa dan pertolongan kalian dalam memberikan tunjuk ajar dan bantuan-bantuan lain ketika pengkaji menghadapi masalah amat dihargai. Harapan pengkaji agar perkongsian ilmiah ini dapat memberi manfaat dan boleh dijadikan sebagai rujukan untuk masyarakat kini dan akan datang. Inshaa Allah.

**Marinayadzmin bte Mohamad Radzif**

Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran Awam, Universiti Malaya

Tarikh: 15hb Ogos 2020

## **Abstrak**

Johor merupakan negeri kelahiran Parti Kebangsaan Melayu Bersatu atau lebih dikenali sebagai United Malays National Organisation (UMNO) pada tahun 1946. Penubuhan UMNO berasaskan semangat tinggi orang Melayu untuk mendapatkan kemerdekaan setelah lama dijajah. Hasilnya, UMNO kekal sebagai kerajaan pemerintah di peringkat negeri dan persekutuan seterusnya mendapat kepercayaan rakyat atas jasa membela hak serta kepentingan seluruh kaum di Malaysia. Walaubagaimanapun, UMNO gagal mengekalkan kubu kuat mereka terutamanya di Johor pada Pilihan Raya Utama yang ke 14 (PRU-14).

Kajian ini menumpukan kepada peranan institusi keluarga sebagai agen sosialisasi politik utama orang Melayu. Ia turut meninjau peranan ketua keluarga yang berpotensi mempengaruhi budaya politik ahli keluarga. Terdapat kemungkinan berlaku perubahan peranan, *reversible role* antara ibu bapa dan anak-anak kerana anak-anak pada zaman ini dilihat berpotensi mempengaruhi pandangan dan keputusan politik ibu bapa mereka. Perkembangan politik ini adalah seiringan dengan kemunculan agen-agen sosialisasi politik yang baru seperti Badan Bukan Kerajaan (NGO) serta media massa dalam mencorak orientasi politik masyarakat kini.

Oleh itu, kajian turut menyelidik sekiranya terdapat agen sosialisasi lain yang dilihat lebih berpengaruh dalam mempengaruhi pendirian komuniti Melayu dan tahap sokongan mereka terhadap UMNO kini. Akhir sekali, kajian akan mengenal pasti sekiranya sokongan orang Melayu terhadap UMNO dapat dikembalikan untuk menjamin kedudukan UMNO sebagai kerajaan pemerintah di peringkat negeri dan persekutuan pada PRU akan datang.

Kata kunci: UMNO , Johor, , Institusi Keluarga, Perkembangan Politik , Budaya Politik, Orientasi Politik, Politik Melayu, Agen Sosialisasi Politik.

## **Abstract**

Johor is the starting point of United Malasys National Organization (UMNO) in 1946. It was started based on high motivation of Malays people that time to achieve the country's independence from British. As a result, UMNO becomes one of the most powerful political party in Malaysia and people put their trust on UMNO to keep protecting Malaysian rights and maintain the peace of country. However, UMNO failed to sustain their position and power after the Malaysian General Election 14 (GE-14).

Hence, this study will focus on the role of family institution as main political socialization agent especially for the Malays community. It will also identify the role of the head of households who had the potential to influence the political culture of their family members. There are possibilities to have the changes that we called as reversible roles between parents and their children due to the modernization and they are able to influence their parents' political view. The changes of political culture in Malaysia had been assumed due to the new political socialization agents such as Non Government Organization (NGO) and mass media to shape the new community political orientation nowadays.

Thus, this study will also investigate if there are any political socialization agent had been as more influenced than families among the Malays community and observed the level of Malays support on UMNO. Last but not least, this study will identify either the Malays people will support on UMNO again or not and win the next general elections.

**Key Words:** UMNO, Johor, Family Institutions, Political Culture, Political Changes, Political Orientation, Malays Politics, Political Socialization Agent.

## ISI KANDUNGAN

<b>PERAKUAN .....</b>	<b>i</b>
<b>PENGHARGAAN .....</b>	<b>ii</b>
<b>ABSTRAK .....</b>	<b>iii</b>
<b>ABSTRACT .....</b>	<b>iv</b>
<b>ISI KANDUNGAN .....</b>	<b>v</b>
<b>SENARAI JADUAL .....</b>	<b>vi</b>
<b>SENARAI RAJAH .....</b>	<b>vii</b>
<b>SENARAI AKRONIM .....</b>	<b>viii</b>
<b>BAB 1 : PENGENALAN KAJIAN.....</b>	<b>1-12</b>
1.1 : Pengenalan Bab.....	1
1.2 : Latar Belakang Kajian .....	1-8
1.3 : Permasalahan Kajian .....	8-9
1.4 : Persoalan Kajian .....	9
1.5 : Objektif Kajian .....	9
1.6 : Skop Kajian.....	9-10
1.7 : Kepentingan Kajian .....	10-11
1.8 : Batasan Kajian .....	11
1.9 : Cadangan Struktur Laporan .....	12
<b>BAB 2 : SOROTAN LITERATUR.....</b>	<b>13-25</b>
2.1 : Pengenalan Bab.....	13
2.2 : Pengenalan Sistem Politik di Malaysia .....	13-15
2.3 : Ciri-ciri dan Sejarah Perkembangan Pilihanraya.....	15-16
2.4 : Perkembangan Budaya di Malaysia .....	17-18
2.5 : Agen-agen sosialisasi politik di Malaysia .....	18-25
<b>BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN .....</b>	<b>26-34</b>
3.1 : Pengenalan Bab.....	26
3.2 : Pendekatan Kajian .....	26-30
3.3 : Rangka Kerja Kajian.....	30-31
3.4 : Kaedah Pengumpulan Data Kajian .....	31
3.5 : Pra Kajian.....	32
3.6 : Penilaian Pemboleh Ubah .....	32-33
3.7 : Kaedah Analisis Kajian.....	33-34
<b>BAB 4 : HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN .....</b>	<b>35-64</b>
4.1 : Pengenalan Bab .....	35
4.2 : Profil Demografi .....	35-41
4.3 : Latar Belakang dan Orientasi Responden.....	42-49
4.4 : Keluarga kekal sebagai Agen Utama Sosialisasi Politik .....	49-50
4.5 : Beberapa Agen Sosialisasi Politik yang Lebih Berpengaruh .....	51-56
4.6 : UMNO kekal sebagai Kerajaan Pemerintah .....	56-57
4.7 : Masa Depan UMNO .....	57-64
<b>BAB 5: KESIMPULAN .....</b>	<b>65-68</b>
5.1 : Pengenalan Bab .....	65
5.2 : Ringkasan Hasil Kajian .....	65-67
5.3 : Rumusan dan Cadangan Kajian .....	67-68
<b>RUJUKAN .....</b>	<b>69-70</b>
<b>APPENDIKS .....</b>	<b>71-88</b>

## Senarai Jadual

Jadual 1 : Keyakinan Responden terhadap Parti Politik	44
Jadual 2 : Akhbar Tempatan Pilihan Responden	44
Jadual 3 : Media Sosial Pilihan Responden	45
Jadual 4 : Saluran Berita yang Menjadi Pilihan	46
Jadual 5 : Latar Belakang dan Orientasi Politik Responden	47
Jadual 6 : Peranan Keluarga sebagai Agen Utama Sosialisasi Politik	49
Jadual 7 : Respon terhadap Tinggalan Sejarah	51
Jadual 8 : Respon terhadap Kawasan Institusi Pengajian	52
Jadual 9 : Respon terhadap Kawasan Kejiranan	52
Jadual 10 : Respon terhadap Parti Politik	53
Jadual 11 : Respon terhadap Peranan NGO	53
Jadual 12 : Respon terhadap Intitusi Keagamaan	54
Jadual 13 : Respon terhadap Peranan Media Sosial	54
Jadual 14 : Respon terhadap Peranan Media Massa	55
Jadual 15 : Adakah UMNO Masih Relevan dan Berpengaruh?	56

## Senarai Rajah

Rajah 1 : Profil Demografi Responden Mengikut Jantina	36
Rajah 2 : Profil Demografi Responden Mengikut Umur	37
Rajah 3 : Profil Demografi Responden Mengikut Status Perkahwinan	37
Rajah 4 : Profil Demografi Responden Mengikut Pemilikan Rumah	37
Rajah 5 : Profil Demografi Responden Mengikut Bilangan Isi Rumah	38
Rajah 6 : Profil Demografi Responden Mengikut Isi Rumah Mengundi	38
Rajah 7 : Profil Demografi Responden Mengikut Pencapaian Pendidikan	39
Rajah 8 : Profil Demografi Latar Belakang Pendidikan Ibu Bapa	39
Rajah 9 : Profil Demografi Responden Mengikut Sektor Kerjaya	40
Rajah 10 : Profil Demografi Repsonden Mengikut Tahap Pendapatan	41
Rajah 11 : Profil Ahli Keluarga Yang Paling Berpengaruh	42
Rajah 12 : Agen Sosialisasi Politik Utama di Kampung Istana	43

## **SENARAI AKRONIM**

BBC	The British Broadcasting Corporation
CNN	Cable News Network
DUN	Dewan Undangan Negeri
IPT	Institut Pengajian Tinggi
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
IPTS	Institut Pengajian Tinggi Swasta
NST	News Straits Time
PAS	Parti Islam Se-Malaysia
PKR	Parti Keadilan Rakyat
PPBM	Parti Pribumi Bersatu Malaysia
PH	Pakatan Harapan
PRU	Pilihan Raya Utama
PSM	Parti Sosialis Malaysia
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia

# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

### **1.1 Pengenalan**

Bab ini menghuraikan tentang latar belakang kajian dengan perbincangan yang lebih khusus tentang permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian, limitasi kajian, metodologi kajian dan struktur laporan kajian. Tambahan lagi, bab ini meninjau kepada pengaruh serta peranan keluarga sebagai agen sosialisasi politik utama di Malaysia dalam mempengaruhi amalan dan budaya politik rakyat Malaysia.

### **1.2 Latar Belakang Kajian**

Malaysia merupakan negara yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen selepas merdeka. Pemilihan calon dijalankan melalui proses pilihanraya secara berkala seperti yang tertulis dalam Perlembagaan Malaysia. Rakyat memainkan peranan penting dalam sistem ini kerana mereka diberikan hak untuk memilih calon yang layak mewakili kawasan mereka. Demokrasi berparlimen juga adalah salah satu proses kepada pembentukan kabinet kerajaan yang memegang kuasa dan bertanggungjawab di dalam pentadbiran negara.

Malaysia berjaya melaksanakan sebanyak 14 kali pilihanraya sejak 4hb September 1957 sehingga kini dan dikendalikan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) mengikut Perkara 114 Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, SPR bertanggungjawab untuk memelihara, menyelia dan mengekalkan proses demokrasi selaras dengan dasar penubuhannya. Sebagai tambahan, fungsi SPR adalah untuk menjalankan urusan pendaftaran dan semakan pemilih serta mengadakan pilihan raya umum di Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri (DUN) seterusnya menjalankan pilihan raya kecil sekiranya berlaku kekosongan serta melakukan persempadanan. Persempadanan bahagian-bahagian Pilihan Raya terbahagi kepada 3 komponen utama iaitu Persekutuan, Negeri dan Daerah Mengundi.

Barisan Nasional (BN) kekal menjadi kerajaan persekutuan dan negeri di beberapa buah kawasan seperti di Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Terengganu, dan beberapa negeri lain selama 60 tahun. Kesetiaan kepada satu parti dominan yang berkuasa telah menjadi budaya politik di Malaysia, khususnya dalam kalangan komuniti Melayu. Budaya politik merupakan satu pandangan umum masyarakat mengenai sistem politik di sesebuah negara. Ianya tidak merujuk kepada sikap

seseorang individu seperti Perdana Menteri atau Presiden negara tetapi lebih menumpukan cara-cara masyarakat melihat sistem politik secara keseluruhan dan kepercayaan rakyat terhadap legitimasi kerajaan di sesebuah negara (Sudin & Hussein, 2002).

Secara asasnya, sosialisasi politik merupakan proses pengajaran, pembelajaran, dan pemindahan sesebuah budaya seperti nilai, simbol dan beberapa perilaku politik oleh satu generasi kepada generasi yang lain secara langsung atau tidak langsung. Sosialisasi politik juga menjadi sebahagian proses untuk rakyat memperoleh pandangan terhadap kerajaan dan sistem politik di sesebuah negara. (Suria, 2003) menerangkan sosialisasi politik adalah proses mempelajari peranan nilai, kepercayaan, norma dan tingkah laku politik yang perlu ada pada seseorang dalam institusi masyarakat. Gabriel Almond, (2000) menjelaskan sosialisasi politik adalah pembentukan pola tingkah laku seseorang individu. Selain itu, ia juga merupakan amalan atau budaya bagi satu generasi itu untuk disampaikan kesetiaan dan kepatuhan mereka terhadap generasi berikutnya. Sosialisasi politik ini bermula daripada pemindahan sesuatu kebiasaan dan nilai dalam institusi keluarga serta budaya setempat sesuatu masyarakat kepada kanak-kanak. Oleh itu, seseorang individu itu seharusnya dide dahkan dengan suatu pandangan serta pengetahuan politik yang terbuka semenjak kecil lagi. Hasilnya, pelbagai perubahan telah berlaku disebabkan pengaruh sosialisasi politik ke atas pola pengundi, gabungan parti politik serta pelbagai kesan lain.

Proses sosialisasi politik ini berlaku secara berperingkat melalui agen primer dan sekunder. Agen primer memainkan peranan paling penting dalam peringkat awal proses sosialisasi politik. Namun, agen sekunder tidak seharusnya dipandang mudah kerana ia turut menyumbangkan peranan masing-masing dalam proses tersebut. Hal ini diterangkan oleh (Dowse dan Hughes, 1972) bahawa sosialisasi politik boleh berlaku sama melalui peranan beberapa sosialis politik atau sebaliknya. Agen primer merupakan agen yang paling hampir dengan seseorang individu bersama-sama agen sekunder sosialisasi politik yang lain seperti persekitaran, pendidikan, rakan sebaya, parti politik itu sendiri dan sebagainya. Hal ini turut dipersetujui oleh (Janda, Barry & Goodman, 1987) kerana mereka turut berpendapat bahawa agen-agen sosialisasi politik adalah terdiri daripada keluarga, sekolah, masyarakat dan rakan sebaya seseorang individu sebagai elemen terpenting;

*“Obviously, the paths to political awareness, knowledge and value differ among individuals but most people are exposed to the same influences agents of*

*political socialization especially during their childhood through young adulthood. These influences are family, the school's environment, and the community (including peers)".* (Janda, Barry & Goodman, 1987)

Keluarga merupakan agen sosialisasi politik yang paling berpengaruh dalam membentuk budaya, kefahaman, sikap dan kepercayaan seseorang individu. Ahli keluarga terdiri daripada bapa, ibu dan adik beradik yang lain. Keluarga didefinisikan sebagai sekumpulan manusia yang mempunyai ikatan perkahwinan dan mempunyai pertalian darah bertujuan menciptakan, mempertahankan budaya dan meningkatkan perkembangan fizikal, mental, emosional dan sosial setiap anggota keluarga (Duvall dan Logan, 1986). Menurut (Riadi, 2012) keluarga adalah salah satu kelompok atau kumpulan manusia yang hidup bersama sebagai satu unit masyarakat terkecil dan biasanya mempunyai hubungan pertalian darah, ikatan perkahwinan dan tinggal bersama dalam satu rumah yang dipimpin oleh seorang ketua keluarga. Ibu bapa, persekitaran rumah dan kualiti pendidikan yang diterima menjadi faktor yang mempengaruhi perkembangan minda dan tingkah laku kanak-kanak. Berlainan pula dengan Yusuf, (2009) yang menghuraikan definisi keluarga iaitu ;

- a) F.J Brown berpendapat bahawa keluarga boleh dihuraikan dari dua sudut pandangan iaitu semua pihak yang mempunyai hubungan darah atau keturunan dan sudut kedua pula ialah keluarga hanyalah merangkumi kedua ibu bapa dan anak-anak sahaja.
- b) Maciver pula menghurai terdapat lima ciri khas keluarga yang umum iaitu hubungan berpasangan kedua berlainan jenis atau sesama jenis, perkahwinan, daripada keturunan yang sama dan perkongsian satu rumah dalam satu jangka masa atau pendek.

Agen sosialisasi politik sekunder adalah proses sosialisasi yang memberi tindak balas terhadap kumpulan selain keluarga. Ia merupakan proses bagaimana budaya, kefahaman dan kepercayaan politik itu dipindahkan kepada seseorang individu melalui agen sosialisasi politik yang lain seperti rakan sebaya, media massa, sekolah, dan lain-lain. Agen ini turut mempengaruhi seseorang individu dari sudut umur, jantina, jenis pekerjaan, tahap pendidikan, kelas sosial serta bangsa individu tersebut. Peringkat terakhir dalam agen sosialisasi politik adalah melalui agen resosialisasi atau sosialisasi semula. Ia merupakan proses menukar dan menambah baik konsep diri dan cara hidup seseorang individu yang sedia ada kepada yang baru dan berbeza secara drastik. Akhir sekali, proses sosialisasi ini boleh belaku dalam keadaan terdesak yang dikehendaki oleh masyarakat pada sesuatu jangka masa.

### Latar Belakang Umno Sebagai Parti Politik Melayu

UMNO ditubuhkan pada 11hb Mei 1946 di Istana Besar Johor Bahru di bawah pimpinan Dato Onn Jaafar daripada Persatuan Melayu Johor. Pada awal penubuhan mereka menamakan Parti Melayu Bersatu atau *United Malays Organisation* (UMO) dan telah ditukarkan menjadi Persatuan Kebangsaan Melayu Bersatu atau *United Malays National Organization* (UMNO). Faktor penubuhannya adalah selepas Kongres Se-Malaya secara jelasnya menunjukkan semangat orang Melayu ketika untuk menentang rancangan British menubuhkan Malayan Union pada 23 Januari 1946 (Suhaimi, 2018) demi menjaga hak keistimewaan orang Melayu pada ketika itu. Ia merupakan persetujuan oleh para pemimpin terdahulu kepada orang Melayu sebagai cagaran agar penduduk asal tanah Melayu dan menerima bangsa lain seperti orang Cina dan India berkongsi kehidupan di tanah Melayu (Malaysia) secara bersama.

Menurut (Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu, 1948) semasa rundingan kemerdekaan ingin dilaksanakan, hak istimewa orang Melayu telah dipinda untuk melindungi kepentingan orang Melayu pada waktu itu kerana orang Melayu tidak mahu menerima kedatangan bangsa lain sebagai rakyat di Tanah Melayu. Artikel 153 Perlembagaan Malaysia memberi hak kepada Yang di-Pertuan Agong untuk menjaga hak-hak dan keistimewaan orang Melayu dan bumiputera Malaysia. Antara hak yang dijaga dan dilindungi adalah kepentingan kumpulan ini untuk menyertai sektor perkhidmatan kerajaan dan menerima biasiswa seperti pendidikan, kesihatan dan sebagainya. Ia juga dikenali sebagai kontrak sosial dan dikatakan sebagai pertahanan secara sah bagi ketuanan Melayu untuk meningkatkan lagi kepercayaan dan keyakinan orang Melayu bahawa mereka adalah penduduk asal Malaysia seperti yang terkandung dalam wasiat raja-raja Melayu:

“Kami namakan dan kami panggil akan ia, bumi yang kamu pijak dan langit yang kamu junjung, Persekutuan Tanah Melayu (yang lebih dikenali sebagai Malaysia). Kami isytiharkan dan kami simpan untuk kamu dan kami benarkan kamu isytihar dan simpan untuk anak cucu kamu, selain gunung-ganang, tasik dan hutan simpan. Tanah simpanan Melayu sehingga nisbah 50 peratus dan selebihnya kamu rebutlah bersama-sama kaum lain. Untuk menjaga dan melindungi kamu serta anak cucu kami serta harta milik kamu, kami tubuhkan Rejimen Askar Melayu bukan sekadar membanteras kekacauan dalam tetapi juga ancaman luar negara. Kamikekalkan

dan kami jamin kerajaan dan kedaulatan raja-raja Melayu sebagai pemerintah negara ini. Kami isytiharkan Islam sebagai Persekutuan dan kami tetapkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Kami amanahkan dan kami pertanggungjawabkan kepada raja-raja Melayu untuk melindungi kedudukan istimewa orang Melati dan kepentingan sah kaum-kaum lain termasuk kedudukan istimewa anak negeri Sabah dan Sarawak”.

Oleh itu, terdapat dua (2) parti politik Melayu yang telah diperkenalkan iaitu UMNO dan PAS sejak merdeka dan persaingan antara kedua-dua ini bermula sejak 1978 sehingga PRU-14. Isu paling dominan yang menjadi dasar perjuangan PAS dan UMNO adalah isu Melayu dan Islam. Isu Melayu dilihat lebih sinonim dengan parti UMNO manakala Islam lebih sinonim dengan PAS (Sabri.2016).

UMNO telah memulakan perjuangan politik mereka di Johor dan negeri tersebut merupakan kubu kuat parti tersebut meskipun badai melanda kerana semangat UMNO itu sendiri datangnya daripada orang Melayu yang bersatu padu pada ketika itu di negeri tersebut. Johor merupakan sebuah negeri yang terletak di selatan tanah air dan merupakan negeri kelima terbesar di Malaysia dengan jumlah penduduknya seramai 3.75 juta orang (DOSM, 2019) serta mempunyai 10 daerah di Johor iaitu Ledang, Johor Bahru, Pontian, Segamat, Muar, Kulai Jaya, Mersing, Kota Tinggi, Kluang dan Batu Pahat.

Batu Pahat dibangunkan oleh Dato' Muhammad Salleh bin Perang pada tahun 1893 bermula di kawasan Simpang Kanan. Batu Pahat merupakan daerah ketiga yang dibuka di negeri Johor pada abad ke-19. Ia dikenali sebagai Pulau Kundur dan Sungai Batu Pahat dikenali sebagai Sungai Kundur. Batu Pahat terbahagi kepada dua bahagian iaitu barat dan timur. Pekan yang terletak di barat ialah Rengit, Senggarang, Tongkang Pechah, Sri Gading, Parit Raja dan Bandar Penggaram manakala di bahagian timur ialah Yong Peng , Parit Sulong, Sri Medan, Parit Yaani, Lanlee, Kangkar Baru dan Air Hitam (Adam,2016). Menurut data (DOSM, 2019) Batu Pahat mempunyai populasi penduduk hampir 400,000 orang (398,014) Batu Pahat mengalami perubahan besar di dalam sistem politiknya sejak 2008 apabila rakyat tempatan khususnya orang Melayu tidak lagi menyokong UMNO pada PRU yang lepas. Berdasarkan keputusan PRU ke-14, kerusi parliment Batu Pahat (P150) telah dimenangi oleh Mohd Rashid Hasnon dari PKR dengan majoriti undi sebanyak 17,894. Jika dibandingkan dengan PRU ke-13, Pakatan Rakyat (PR) ketika itu hanya memenangi majoriti sebanyak 1,524 undi (Suruhajaya Pilihan Raya, 2019). Hal ini

diperdayai berlaku kerana terjadinya perubahan budaya politik khususnya orang Melayu di kawasan ini.

**Keputusan Pilihan Raya Umum Di Parlimen Batu Pahat (P150) Pada 2004 Sehingga 2018.**

Tahun	Jumlah Pengundi	Bilangan Yang Keluar Mengundi	Parti Yang Menang	Majoriti Undi
PRU-11 (2004)	68,415	50,324	BN	29,102
PRU-12 (2008)	70,069	54,103	BN	12,968
PRU-13 (2013)	88,272	77,047	PKR	1,732
PRU-14 (2018)	98,543	82,137	PKR	17,894

Sumber: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (2014-2018) melalui Laman Sesawang Suruhanjaya Pilihan Raya

Pemilihan DUN Penggaram sebagai kawasan kajian adalah kerana Bandar Penggaram merupakan bandar utama di Batu Pahat dan telah dibuka pada 1 Disember 1893 oleh Dato' Bentara Luar ketika itu, Dato' Muhammad Salleh bin Perang<sup>1</sup>. Bandar Penggaram telah dijadikan pusat pentadbiran awam daerah dan kemudahan awam seperti pejabat pentadbiran daerah Batu Pahat, mahkamah, penjara, pejabat tanah, balai polis dan pelbagai lagi di kawasan Bandar Penggaram (*The History Chanel*, 2014). Tambahan lagi, perkembangan ekonomi yang pesat juga bermula dari Bandar Penggaram kerana kefasihan Dato' Bentara Luar Johor berbahasa Cina<sup>2</sup> dan disenangi oleh kaum Cina ketika itu.

Batu Pahat juga mempunyai 3 DUN iaitu DUN Penggaram (N23) kawasan bandar, DUN Senggarang (N24) kawasan separa bandar dan Rengit (N25) kawasan luar bandar. PH telah berjaya memenangi 2 daripada 3 kerusi DUN di Batu Pahat iaitu DUN Penggaram dan DUN Senggarang PRU-14 (2018). Akhir sekali, DUN Rengit kekal di bawah UMNO. Kajian menunjukkan bahwasanya perubahan budaya politik di DUN Penggaram telah berlaku semenjak PRU-12 (2008) lagi di mana bilangan majoriti kemenangan BN amat tipis. Akhirnya, pada PRU-13 (2013) dan PRU-14 (2018), BN gagal mengekalkan kuasanya di DUN Penggaram.

<sup>1</sup> Peranan Dato' Bentara Luar Johor dilihat lebih penting berbanding Sultan Abu Bakar dalam perkembangan, pembangunan dan permodenan negeri Johor pada abad ke-19. Beliau merupakan seorang pembesar atasan yang berkhidmat di bawah tiga orang pemerintah Johor, Dato' Temenggung Daeng Ibrahim (1841-1862), Sultan Abu Bakar (1862-1895) dan Sultan Ibrahim (1895-1959).

<sup>2</sup>Belajar bahasa dan tulisan Cina dengan seorang guru Cina bernama Chia Ah Seng pada tahun 1861 hingga 1863. Bahasa cina amat penting dalam pengurusan hal ehwal negeri Johor dan kehadiran orang Cina di kawasan tersebut lebih besar berbanding populasi penduduk Melayu sendiri.

### **Perbandingan Keputusan Keseluruhan Pru Di Dun Penggaram (N23)**

TAHUN	BILANGAN PEMILIH	BILANGAN MENGUNDI	PARTI YANG MENANG	MAJORITI UNDI
PRU-11 (2004)	32,938	24,598	BN	10,598
PRU-12 (2008)	34,519	26,252	BN	575
PRU-13 (2013)	45,157	39,339	DAP	10,051
PRU-14 (2018)	45,749	41,630	PKR	17,205

Sumber: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia dari tahun 2004 hingga 2018.

### **Daerah Mengundi Dan Jumlah Pemilih Di Dun Penggaram (N23)**

No	Daerah Mengundi	Jumlah Pemilih
1	Parit Bilal	4,909
2	Linau	1,141
3	Bakau Chondong	3,077
4	Bukit Pasir	2,509
5	Bakau Chondong Barat	4,210
6	Kampong Kenangan Dato' Onn	3,281
7	Gunong Soga	4,286
8	Kampong Merdeka Timor	1,064
9	Kampong Merdeka Barat	1,165
10	Jalan Zabedah Barat	1,485
11	Jalan Abu Bakar	1,637
12	Jalan Zabedah Timor	2,328
13	Simpang Rantai	1,203
14	Bentara Luar	3,860
15	Bukit Bendera	2,282
16	Taman Soga	4,231
17	Taman Murni	2,125
18	Kampung Istana	956

Sumber: Majlis Perbandaran Batu Pahat (2019)

Jelas kelihatan bahawa PRU-14 dikatakan PRU paling kompetitif dalam sejarah Pilihan Raya Umum di Malaysia kerana buat pertama kalinya kita dapat lihat BN tewas dengan majoriti mudah di mana 113 kerusi dalam Dewan Rakyat dengan gabungan bersama Parti Warisan Sabah<sup>i</sup> yang memenangi 8 kerusi. Oleh yang demikian, dengan jumlah keseluruhan 121 kerusi itu cukup untuk Pakatan Harapan

(PH) membentuk kerajaan baharu. Hal ini juga telah membuatkan beberapa negeri seperti Johor, Kedah, Melaka dan Negeri Sembilan yang sebelum ini di bawah pentadbiran kerajaan BN jatuh ke tangan kerajaan PH manakala PAS pula kekal sebagai kerajaan negeri Kelantan dan Terengganu. Johor mengalami perubahan politik yang ketara apabila negeri yang cukup sinonim dengan UMNO serta kubu kuat parti tersebut akhirnya tewas apabila mereka hanya berjaya memenangi 19 daripada 55 kerusi yang dipertandingkan.

Persoalannya, adakah orang Melayu telah mula hilang kepercayaan dan sokongannya terhadap UMNO? Jika dulu, keluarga sebagai agen sosialisasi politik yang utama mampu untuk memastikan ahli keluarga mereka mengikut amalan politik seperti menyokong parti UMNO dan sebagainya. Adakah keluarga masih lagi kekal sebagai agen sosialisasi politik yang utama dan berpengaruh di DUN Penggaram? Jika ya, adakah ibu bapa yang mempengaruhi daya pemikiran dan kefahaman politik anak-anak atau sebaliknya? Jika tidak, apakah agen sosialisasi yang lebih berpengaruh dalam pembentukkan budaya politik dalam kalangan komuniti Melayu. Sejauh manakah sokongan orang Melayu terhadap UMNO pada masa kini dan mampukah UMNO mengembalikan semula kepercayaan serta sokongan orang Melayu terhadap parti mereka?

### **1.3 Permasalahan Kajian**

Perubahan landskap politik Malaysia bermula selepas PRU-12 (2008) dan menjadi semakin ketara selepas PRU-14 (2018). Barisan Nasional akhirnya tumpas buat pertama kalinya selepas 60 tahun mentadbir negara. Perubahan drastik ini disebabkan oleh runtuhnya kubu kuat Melayu di Johor dan mereka juga kehilangan 2/3 majoriti dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) seterusnya mengakibatkan perubahan kerajaan di peringkat nasional.

Kajian ini menekankan bahawa terhakisnya sokongan orang Melayu terhadap UMNO pada PRU dapat dikaitkan dengan perubahan orientasi politik rakyat negeri Johor yang selama ini menjadi penyokong setia parti berkenaan. Hilangnya sokongan orang Melayu terhadap parti UMNO di Johor memberi signifikan yang besar ke atas perubahan sokongan politik di Malaysia. Oleh itu, fokus kajian ini adalah untuk melihat faktor utama perubahan budaya politik dan kajian ini mengkhususkan DUN Penggaram di Bandar Batu Pahat sebagai kawasan utama kajian .

Kini, orang Melayu tidak lagi setia dengan UMNO, apakah yang mempengaruhi mereka untuk bertukar pendirian dan pilihan politik. Adakah UMNO akan terus dilupakan oleh orang Melayu?

#### **1.4 Persoalan Kajian**

- 1) Adakah keluarga kekal sebagai agen sosialisasi politik utama yang berpengaruh di DUN Penggaram, Batu Pahat pada masa kini?
- 2) Apakah agen sosialisasi politik yang lebih berpengaruh daripada institusi keluarga pada masa kini?
- 3) Adakah sokongan orang Melayu terhadap UMNO di DUN Penggaram dapat dikembalikan pada PRU akan datang?

#### **1.5 Objektif Kajian**

Objektif kajian adalah untuk meninjau jika keluarga masih kekal sebagai agen sosialisasi politik utama untuk meninjau kesannya terhadap orientasi politik dan perubahan budaya politik di DUN Penggaram. Secara lebih terperinci, kajian ini mengenal pasti kefahaman yang lebih mendalam tentang tiga perkara berikut iaitu;

- 1) Untuk meninjau jika keluarga masih kekal sebagai agen sosialisasi politik utama yang berpengaruh di DUN Penggaram, Batu Pahat pada masa kini.
- 2) Untuk mengenalpasti agen sosialisasi politik yang lebih berpengaruh daripada institusi keluarga pada masa kini.
- 3) Untuk mengetahui sekiranya sokongan orang Melayu terhadap UMNO dapat dikembalikan pada PRU akan datang.

#### **1.6 Skop Kajian**

Pengundi di DUN Penggaram yang menetap di Kampung Istana merupakan skop kajian ini. Ia meliputi ahli keluarga atau isi rumah yang berumur 21 tahun ke atas dan layak mendaftar sebagai pengundi dan hasil respon mereka akan memberikan keputusan terhadap persoalan-persoalan kajian.

Batu Pahat dipilih sebagai skop kajian dan DUN Penggaram menjadi lokasi sasaran kerana bandar Penggaram merupakan ibu daerah Batu Pahat. Perubahan yang drastik dalam sokongan rakyat tempatan DUN Penggaram membawa kepada lokasi penyelidikan dan Kampung Istana menjadi pilihan kerana 99 peratus populasi penduduk adalah orang Melayu dan antara penyokong setia UMNO sejak merdeka. Selain itu, Kampung Istana<sup>3</sup> juga merupakan penempatan lama masyarakat Melayu di Batu Pahat khususnya dalam DUN Penggaram. Oleh itu, ia membuatkan proses yang berkesan dan cepat untuk mendapatkan responden dalam kalangan komuniti

---

<sup>3</sup> Kampung Istana dibuka sebagai kawasan penempatan awal askar-askar Timbalan Setia Negeri Johor sejak zaman Sultan Abu Bakar. Selepas merdeka, askar-askar tersebut dikembalikan ke Johor Bharu dan dibangunkan kembali sebagai satu perkampungan Melayu di kawasan tersebut.

Melayu dengan melibatkan soalan-soalan secara terus yang berkait rapat dengan objektif kajian. Sebagai tambahan, Kampung Istana terletak di Simpang Kanan Batu Pahat kira-kira 13 kilometer dari Sungai Batu Pahat dan lebih dikenali sebagai Jalan Istana pada awalnya kerana terletaknya persinggahan istana negeri Johor yang akhirnya bertukar menjadi penempatan komuniti Melayu. Ini turut mengubah demografi dan namanya dari Jalan Istana kepada Kampung Istana.

Jika keluarga bukan lagi sebagai agen yang berpengaruh, apakah agen lain yang lebih berpengaruh dalam membentuk budaya politik di DUN Penggaram sehingga menyebabkan parti dominan itu sendiri tewas pada PRU-14 yang lepas. Akhir sekali, kajian memberikan keputusan sama ada sokongan orang Melayu terhadap parti UMNO akan terhenti buat sementara atau kekal selamanya. Oleh yang demikian, data juga akan memberikan gambaran jelas sama ada perubahan budaya politik di DUN Penggaram ini dapat dikembalikan atau kekal.

### **1.7 Kepentingan Kajian**

UMNO merupakan parti dominan di DUN Penggaram semangat orang Melayu yang setia dalam mempertahankannya demi menjaga kepentingan orang Melayu. UMNO telah menjadi parti tradisi turun temurun satu oleh satu generasi kepada satu generasi yang lain. Oleh itu, ia faktor utama untuk Johor kekal sebagai kubu kekuatan parti mereka. Kajian ini adalah untuk mendapatkan kepastian, bagaimana BN yang diwakili oleh MCA di DUN Penggaram dan UMNO di Parlimen Batu Pahat boleh tewas pada PRU-14 yang lepas dan adakah keluarga tidak lagi menjadi agen utama sosialisasi politik yang mempengaruhi orientasi dan pilihan orang Melayu di Batu Pahat.

Keluarga masih kekal sebagai agen primer kepada pembentukan budaya itu sendiri walaupun terdapat beberapa agen sosialisasi politik yang baharu. Hal ini adalah kerana peranan ibu bapa dalam mendidik kanak-kanak dalam usaha memastikan anak-anak mereka meneruskan amalan dan budaya mereka bukan sekadar politik seperti kesetiaan mereka untuk terus menyokong UMNO. Sebagai contoh, tanpa disedari perbualan sehari-hari mereka semasa makan malam bersama, di dalam kereta secara tidak langsung mempengaruhi corak pemikiran awal kanak-kanak tentang gambaran politik di Malaysia. Generasi terdahulu seperti nenek, moyang, ibu dan bapa di dalam sesebuah institusi keluarga berkongsi cerita tentang perjuangan UMNO sejak merdeka dalam usaha melindungi hak orang Melayu sebagai penduduk asal dan bumiputera seterusnya membantu membangunkan ekonomi orang Melayu. Oleh itu, rakyat tempatan khususnya golongan veteran terus menyokong UMNO

sebagai tanda membala jasa UMNO yang telah banyak membantu nenek moyang mereka dari awal penubuhan UMNO sehingga kini.

Pada PRU-14, UMNO semakin hilang pengaruhnya dalam kalangan komuniti Melayu. Ini juga membawa persoalan sekiranya keluarga masih kekal sebagai agen utama sosialisasi politik atau adakah terdapat agen lain yang lebih berpengaruh dalam membentuk orientasi politik di Malaysia, khususnya di DUN Penggaram. Selain itu, ia juga mampu memberi gambaran kepada pengkaji untuk mendapatkan kepastian jika perubahan dalam sokongan orang Melayu terhadap UMNO ini bersifat sementara atau mampu dikembalikan.

### **1.8 Batasan Kajian**

Keputusan kajian ini mungkin tidak merangkumi keseluruhan populasi penduduk di Batu Pahat, khususnya di DUN Penggaram. Hal ini kerana kajian hanya melihat kepada 30 isi rumah sebagai sampel dalam mengenalpasti sejauh manakah peranan keluarga sebagai agen sosialisasi politik yang utama dalam membentuk perubahan politik di DUN Penggaram. Terdapat kebarangkalian yang wujud di mana responden tidak berminat untuk menjawab soalan kaji selidik kerana bagi mereka undi mereka adalah rahsia. Walaubagaimanapun, soal selidik ini akan dilaksanakan oleh penyelidik secara fizikal dan temu bual terbuka dengan ketua isi rumah sahaja, seterusnya penyelidik akan membantu responden untuk menjawab pertanyaan yang kurang jelas atau sukar difahami oleh responden.

Tambahan pula, faktor latar belakang keluarga sememangnya elemen utama di dalam proses pengumpulan maklumat kajian ini tetapi data dan soalan kajian berkemungkinan bersifat sensitif menyebabkan kebanyakan responden lebih selesa untuk tidak memberi sebarang respon. Selain itu, garis masa pembinaan borang soal selidik dan kaedah pengumpulan maklumat dan data terlalu singkat. Oleh itu, penyelidik akan melakukan pertanyaan ringkas dan padat untuk terus menjawab kepada permasalahan dan objektif kajian. Akhir sekali, penyelidik berasa agak sukar untuk mendapatkan artikel yang tepat kerana kebanyakan kajian politik terhadap perubahan budaya, orientasi dan pemikiran politik di Malaysia adalah berdasarkan kajian ke atas individu dan bukan kepada ketua isi rumah.

### **1.9 Cadangan Struktur Laporan**

Bab 1 fokus terhadap cadangan dan perancangan keseluruhan kajian. Bab ini menghuraikan latar belakang dan faktor kajian ini dijalankan, permasalahan kajian, objektif utama kajian dan persoalan kajian. Selain itu, penyelidik umpukan kepada

skop kajian seperti faktor penduduk Kampung Istana itu dipilih untuk mewakili populasi keseluruhan DUN Penggaram, metodologi kajian yang digunakan sebagai prosedur pengumpulan data dan maklumat serta kepentingan kajian ini dilakukan. Tambahan lagi, ia menunjukkan perancangan struktur soal selidik yang akan dibina untuk menjawab persoalan dan mencapai objektif kajian ini. Akhir sekali, kelemahan kajian turut disertakan sebagai persediaan kepada penyelidik sekiranya menghadapi sebarang kesulitan sepanjang kajian ini dijalankan.

Bab 2 adalah khusus mengenai sorotan literatur yang lepas dan berhubung kait dengan tema kajian yang dilakukan. Tema kajian haruslah merangkumi perubahan orientasi, budaya dan amalan politik masyarakat Melayu di Batu Pahat melalui ulasan atau sorotan karya yang dilakukan. Hal ini memberi idea kepada penyelidik untuk mengkhususkan lagi objektif dan persoalan kajian tentang peranan agen sosialisasi politik yang utama dan agen-agen baru yang dilihat mempunyai potensi untuk membentuk perubahan orientasi, budaya dan pemikiran politik di Malaysia khususnya di DUN Penggaram. Akhir sekali, ia juga dilakukan sebagai panduan untuk menjawab objektif serta persoalan kajian yang sedang dilakukan oleh penyelidik.

Bab 3 memberi gambaran yang jelas tentang kaedah metodologi kajian, teknik pengumpulan data, cara pembinaan borang soal selidik dan panduan untuk membantu responden menjawab segala persoalan bagi tujuan mencapai objektif kajian. Bab ini lebih menumpukan terhadap teknik sampel, prosedur pengumpulan data serta teknik yang bersesuaian untuk mendapatkan keputusan analisis yang lebih tepat.

Bab 4 menfokuskan terhadap keputusan atau dapatan kajian yang bakal dicapai berdasarkan objektif yang dinyatakan dalam bab sebelumnya. Bab ini membincangkan analisis data dan memaparkan hasil penemuan kajian yang didapati daripada tindakbalas responden di dalam borang jawapan soal selidik. Selain itu, dapatan kajian turut memberi implikasi kajian dan carian penyelidikan akan datang.

Akhir sekali, bab 5 menilai secara keseluruhan dan merumuskan hasil kajian serta membuat perbandingan dengan kajian lepas dan seterusnya memberi idea atau cadangan baru untuk kajian yang akan datang.

## BAB 2

### SOROTAN LITERATUR

#### SOROTAN LITERATUR: KELUARGA KEKAL SEBAGAI AGEN UTAMA SOSIALISASI POLITIK

##### 2.1 Pengenalan

Bab dua membincangkan mengenai tiga isu utama iaitu sistem politik di Malaysia dan organisasi yang bertanggungjawab menjalankan pilihanraya di Malaysia. Aspek kedua ialah membincangkan mengenai sejarah perjuangan UMNO sebagai parti politik Melayu yang dominan dan berpengaruh di Malaysia sejak merdeka sehingga kini. Aspek terakhir adalah melihat kajian lepas mengenai agen-agen sosialisasi politik yang dilihat mempunyai pengaruh dalam membentuk budaya politik di tanah air. Bahagian ini amat penting untuk mendapatkan idea-idea dan juga hasil kajian pengkaji-pengkaji terdahulu. Bab ini juga membincangkan secara menyeluruh mengenai isi kandungan yang terkandung dalam bahagian ini.

##### 2.1 Pengenalan Sistem Politik Di Malaysia

Perubahan politik di Malaysia bermula pada PRU ke-12 (2008) dan hal ini merupakan tanda awal budaya politik baru di Malaysia. Malaysia merupakan sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen sejak merdeka sehingga kini. Secara logiknya, sistem demokrasi ini wujud melalui perubahan pemikiran liberalisme yang mementingkan kebebasan dan kedaulatan seseorang individu dan ideologi ini telah dimulakan oleh ahli falsafah barat. Akhir sekali, fahaman ini telah berkembang luas sehingga ke peringkat global dan menghasilkan pelbagai istilah seperti negara bangsa, masyarakat civil, keadilan sosial, kedaulatan rakyat, kebebasan bersuara, kapitalisme, feminism dan sebagainya.

Negara demokrasi haruslah menonjolkan beberapa ciri utama seperti wujudnya kebebasan bersuara, media massa yang bebas dan berkecuali, pilihan raya yang dijalankan secara telus dan adil, kebebasan berpersatuhan, pemerintahan yang berasaskan majoriti tetapi hak minoriti masih dihormati dan akhir sekali, wujud badan kehakiman yang sentiasa bebas dan berkecuali (Zaini,2006). Malaysia boleh disifatkan sebagai negara demokrasi kerana asas sistem tersebut sememangnya wujud secara teori dan falsafahnya. Walaubagaimanapun, jika dilihat secara praktiknya, hal ini berbeza daripada teori asalnya. Oleh itu, hal ini agak tidak

mengejutkan jika Malaysia dikatakan negara demokrasi terhad (Crouch, 1996) atau demokrasi palsu dan separa (Case, 1993).

## 2.2 Ciri-Ciri Dan Sejarah Perkembangan Pilihanraya

Pilihanraya secara jelasnya menjadi pengukur untuk melihat jika sesebuah negara itu mengamalkan sistem demokrasi atau sebaliknya. Oleh itu, perjalanan pilihanraya dalam sistem demokrasi mestilah adil, berwibawa dan berkecuali tanpa melibatkan kepentingan sesiapa. Pilihanraya dianggap sebagai mekanisme utama untuk meninjau penglibatan masyarakat dalam membentuk budaya politik di sesebuah negara. Walaubagaimanapun, pilihanraya di Malaysia menjadi suatu alat untuk mendapatkan regim pemerintah yang sah kepada parti yang memerintah dan sekiranya ianya membenarkan parti lawan menang seperti kes Pilihan Raya Perbandaran 1960-an yang memihak pembangkang dan mempunyai harapan untuk ditiadakan (Jomo, 1996). Oleh hal yang bekanaan, Barisan Nasional (BN) kekal memenangi Pilihan Raya Utama sejak merdeka sehingga PRU ke-13 seterusnya menjadi kerajaan pemerintah di peringkat nasional.

Junaidi, Mohd Fuad & Mohd Nizar (2018) menerangkan pilihanraya merupakan platform kepada parti politik melalui manifesto yang dilancarkan sebelum pembubaran parlimen lagi di samping menyenaraikan rekod prestasi negeri dan nasional yang dikuasi mereka. Oleh itu, segala trek rekod mereka di peringkat negeri dan nasional dijadikan modal tarikan untuk mendapatkan sokongan atau undi terutamanya 40 peratus pengundi yang tiada menyatakan sokongan terhadap mana-mana parti terutamanya golongan belia. Pilihanraya sebagai saluran di setiap peringkat untuk rakyat memilih individu yang bakal menjadi ketua mereka atau polisi yang bakal ditetapkan atau kedua-duanya sekali (Shively, 2005).

Terdapat badan-badan yang menjaga dan melaksanakan Pilihan Raya sekiranya Pilihan Raya Kecil (PRK) atau Pilihan Raya Utama (PRU) di Malaysia. Perkara 113 ada menyebut tentang peranan asas Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) sebagai badan yang dilantik untuk mengendalikan pilihan raya jika dikehendaki oleh undang-undang seterusnya ke peringkat Dewan Rakyat atau Parlimen dan Dewan Undangan Negeri. Oleh itu, menurut Perkara 114 Perlombagaan yang memperuntukkan tentang penubuhan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong selepas perundingan bersama Majlis Raja-Raja dan mestilah terdiri daripada seorang pengurus, seorang timbalan pengurus dan lima orang anggota lain. Akhir sekali, Yang di-Pertuan Agong (YDPA) mestilah

mengambil perhatian tentang kepentingan pelantikan anggota SPR dan fungsi mereka yang mempunyai kepercayaan awam.

Hak mengundi juga merupakan elemen penting di dalam sistem demokrasi yang sihat dan salah satu contoh penglibatan rakyat di dalam politik di Malaysia. Penglibatan politik juga didefinisikan sebagai cara rakyat menunjukkan perasaan mereka melalui pengaruh, sokongan atau tentangan terhadap keputusan dan struktur di dalam sistem kerajaan di sebuah negara (Godwin & Wahlke, 1997). Oleh itu menjadi tanggungjawab bukan sahaja kerajaan tetapi juga SPR itu sendiri di dalam memastikan perjalanan kempen daftar pemilih untuk seluruh rakyat Malaysia mendaftar sebagai pemilih seterusnya keluar mengundi pada hari berkenaan. Tertulis secara jelasnya di dalam Peruntukan Perlembagaan Malaysia memberikan hak yang jelas kepada rakyat untuk keluar mengundi dan peranan SPR untuk menguruskan daftar undi pemilih tetapi tiada satu kenyataan yang nyata untuk SPR menyediakan hak mengundi kepada rakyat. Walaubagaimanapun, SPR tidak seharusnya mengambil mudah dalam soal mendaftarkan pemilih. Selain mengundi, demonstrasi, kempen, himpunan awam menjadi simbol penglibatan politik rakyat di dalam sistem demokrasi dan pilihan raya di Malaysia.

### **2.3 BN (UMNO) Sebagai Parti Dominan**

Barisan Nasional (BN) yang diketuai oleh parti UMNO kekal memenangi kesemua Pilihan Raya Utama (PRU) sejak merdeka sehingga ke PRU-13 (2013). UMNO dianggap parti dominan kepada orang Melayu kerana dua faktor utama iaitu pertama, prestasi yang konsisten berjaya membangunkan serta memajukan Malaysia. Faktor kedua adalah kerana kebijaksaan pemimpin UMNO secara sistematik sebagai satu parti yang berkuasa dan membuat sistem dan prosedur sepanjang tempoh pilihan raya berpihak kepada mereka. UMNO dilahirkan pada tahun 1946 di bawah pimpinan Dato' Onn Jaafar yang muncul sebagai unit politik yang berpengaruh dan disokong oleh orang Melayu. Hal ini diterangkan oleh Muzaffar,(1979) mengenai peranan UMNO sebagai "*substantive protector*" yang menggantikan peranan tradisi raja-raja Melayu sebagai paksi kuasa dan penaungan politik orang Melayu seterusnya simbol perlindungan kepada hak-hak keistimewaan orang-orang Melayu. Jika dirujuk budaya politik orang UMNO dahulu, mereka lebih selesa menganggap diri mereka orang UMNO berbanding ahli UMNO. Hal ini adalah kerana kesetiaan mereka terhadap parti tersebut yang dianggap banyak membantu kemerdekaan negara, membangunkan ekonomi masyarakat tempatan terutamanya ekonomi orang Melayu.

Pertubuhan UMNO yang asalnya adalah untuk menentang pertubuhan Malayan Union membuatkan British sedar bahwasanya mereka bukan lagi berurusan dengan masyarakat tetapi dengan negara yang dipanggil Tanah Melayu dan ‘Hidup Melayu’ yang dipakai oleh orang Melayu asalnya diambil daripada slogan parti UMNO itu sendiri. UMNO pada awal penubuhannya bukanlah pergerakan parti politik semata-mata tetapi sebuah pergerakan yang membantu orang Melayu khususnya luar bandar dalam usaha pembangunan infrastruktur seperti masjid, sekolah, kemudahan perkhidmatan kesihatan dan sebagainya. UMNO kekal menjadi kerajaan yang memerintah dan terus menguatkan struktur pemerintahannya terutama di media massa seperti di stesen televisyen atau media akhbar. Hal ini bertujuan untuk mengukuhkan lagi kuasa perundangan di samping menyekat pergerakan politik pembangkang dan lain-lain. Kawalan media yang ketat juga dibuat bertujuan untuk menyebarkan agenda pembawakan parti serta sebagai senjata untuk membalas kritikan parti pembangkang ketika itu. Oleh itu, UMNO mengambil alih cetakan akhbar harian, Utusan Melayu sebagai medium penyampaian yang berkesan kepada masyarakat di Malaysia terutamanya di luar bandar.

UMNO dan orang Melayu adalah dua perkara yang tidak boleh dipisahkan. Konsep Melayu terbahagi kepada dua pendekatan iaitu individu yang berkulit sawo matang yang terdiri daripada pelbagai etnik yang mendiami alam Melayu yang sangat sinonim dengan panggilan nusantara, bertutur bahasa Melayu tetapi mempunyai ratusan suku bangsa dan etnik yang berlainan demografi, dialek dan cara hidup (Abdul Rahman, 2000). Orang Melayu menjadi populasi majoriti penduduk di Malaysia, Brunei, Indonesia, dan Filipina tetapi menjadi populasi minoriti di beberapa negara seperti Singapura, Selatan Thailand, Vietnam, Myanmar, Sri Lanka dan Afrika Selatan. Pendekatan kedua ialah melalui Perkara di dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia iaitu Fasal 160 yang menyatakan Melayu mestilah seorang yang beragama Islam, fasih bercakap bahasa Melayu, mengikut adat Melayu dan lahir sebelum atau semasa 31 Ogos 1957 (1) di Persekutuan atau Singapura, daripada keturunan seseorang yang sememangnya penduduk asal Persekutuan atau Singapura (Perlembagaan Persekutuan, 2003). Oleh itu, kesetiaan orang Melayu terhadap UMNO telah menjadi budaya politik di Malaysia selama 60 tahun.

## **2.4 Perkembangan Budaya Politik Di Malaysia**

(Almond & Powell, (1996) menerangkan budaya politik sebagai rantaian sikap, perlakuan, kepercayaan dan emosi yang menggambarkan aktiviti politik seseorang individu di dalam masyarakat. Hal ini turut dinyatakan di dalam kajian oleh Pye & Verba, (1965) bahawa budaya politik mengandungi satu kepercayaan yang boleh menggambarkan dan nilai yang menjelaskan tindakan politik. Perkara ini turut ditulis (Ahmad Nizamuddin, 2002) budaya politik merangkumi perlakuan, tingkah laku, pilihan, kepercayaan, jangkaan serta harapan individu dan masyarakat di dalam politik masyarakatnya. Keputusan yang dilakukan oleh seseorang individu terhadap keyakinnya kepada sesuatu parti politik dan harapan mereka terhadap parti tersebut membawa kesan kepada masyarakat seterusnya negara. Kesannya, budaya politik di Malaysia telah mengubah sistem pemilihan pemimpin daripada yang bersifat feudal (susunan masyarakat yang dikuasai oleh golongan bangsawan) kepada demokrasi moden seterusnya neo feudal dan akhirnya menjadi lebih sivil.

Berbeza pula dengan sistem politik, hal ini lebih dikaitkan dengan perlembagaan. Oleh itu, segala perubahan dan penambahbaikan seharusnya diinstitusikan oleh undang-undang Malaysia. Jika dibandingkan sistem pemerintahan sesebuah negara dengan negara yang lain, sistem berkemungkinan besar mempunyai persamaan yang berdasarkan demokrasi tetapi mempunyai perbezaan pada nilai budaya politiknya. Hal ini kerana budaya politik dipengaruhi oleh agen sosialisasi politik seperti latar belakang keluarga, institusi keagamaan, pendidikan, rakan sebaya, masyarakat setempat, media massa, media sosial dan sebagainya (Ahmad Nidzamuddin, 2002).

Almond & Powel, (1966) juga menyifatkan 3 bentuk budaya politik iaitu politik parokial bermaksud masyarakat yang berfikiran sempit. Hal ini adalah kerana sesuatu masyarakat itu hanya mengambil berat mengenai urusan peribadi mereka semata-mata dan percaya bahawasanya terdapat kelompok tertentu yang menguruskan segala hal politik dan negara. Budaya kedua pula adalah budaya politik subjek yang menyatakan sesuatu kelompok masyarakat yang mengambil berat hal ehwal politik dan negara tetapi hanya mendengar sebelah pihak semata-mata. Mereka ini merujuk kepada ahli setia atau penyokong tetap kepada parti tertentu. Hal ini boleh dikaitkan dengan penyokong UMNO pada suatu ketika dahulu bahawa mereka lebih selesa menggelarkan diri mereka sebagai orang UMNO berbanding ahli UMNO. Mereka juga sangat taat kepada pemimpin parti berkenaan dan mempunyai kepercayaan yang tinggi seterusnya bersifat berat sebelah. Budaya terakhir digambarkan sebagai

budaya penyertaan yang merujuk kepada masyarakat yang mempunyai pengetahuan dan kesedaran politik yang tinggi. Akhir sekali, budaya, sistem, orientasi dan pemikiran politik dipengaruhi oleh agen-agen sosialisasi politik di Malaysia.

## **2.5 Agen-Agen Sosialisasi Politik Di Malaysia**

Sosialisasi politik ialah satu usaha untuk membuatkan rakyat merasa mereka sebagai sebahagian daripada negara (Kenneth & Wahlke, 1997). Proses sosialisasi politik boleh dicapai secara adaptasi pembelajaran atau semulajadi (nurture or nature). Menurut Eulau, (1967) pula menekankan kajian perubahan budaya berlaku disebabkan oleh proses sosialisas politik itu sendiri seperti keluarga, pendidikan, tinggalan sejarah, media massa, parti politik, sosial media dan pelbagai lagi.

Hasilnya, agen-agen ini mampu menentukan pola pengundian dalam membuat pilihan semasa pilihan raya. Idea sosialisasi politik ini adalah proses dimana warganegara Malaysia membentuk nilai, tingkah laku, kepercayaan dan pendapat yang membuatkan mereka menyokong sistem politik tertentu (Magstadt, 2009). Konsep penyertaan politik menjadi elemen utama di dalam proses sosialisasi politik oleh Magstadt, (2009) dihuraikan bahawa minat untuk menyertai aktiviti atau segala yang berkaitan politik tanpa paksaan mana-mana pihak di dalam setiap tahap penglibatan yang bertujuan untuk mempengaruhi kerajaan di dalam proses membuat keputusan (Syed Ahmad Huseein, 2006).

### **Pengaruh Umno Sebagai Parti Dominan Semakin Terhakis**

Menurut Mujib, (2008), kemenangan besar BN pada setiap pilihan raya umum di Malaysia sejak merdeka sudah tidak asing didengari maalah telah mewujudkan satu bentuk dominasi dan hegemoni<sup>4</sup> BN khususnya UMNO dalam pemerintahan negara. Ia turut dibincangkan bahawa kunci keutamaan kemenangan parti UMNO merangkumi dua faktor iaitu kejayaan pemimpin UMNO terdahulu terhadap pembangunan ekonomi Malaysia yang lebih baik serta kepimpinan pemimpin parti tersebut yang menjadi pemerintah untuk menyusun kembali sistem atau proses pilihan raya yang sistematik serta berpihak kepada parti mereka. Walaubagaimanapun, hegemoni serta kekuatan UMNO semakin terhakis bermula pada tahun 2008 dimana terdapat isu dan masalah yang dihadapi oleh rakyat tetapi gagal diselesaikan oleh UMNO yang menjadi kerajaan ketika itu seperti permasalahan pengangguran dan kadar kemiskinan yang semakin meningkat, kos

<sup>4</sup> Konsep hegemoni kini menjadi lebih ideal di mana mereka memberikan taat setia dan sokongan setia kepada pemerintah menerusi identiti yang dibentuk secara semula jadi dalam diri setiap rakyat Malaysia.

sara hidup yang semakin meningkat seterusnya membawa kepada kemelesetan ekonomi negara.

Hal ini dibuktikan oleh kajian Ong Kian Ming, (2013), sokongan rakyat terhadap UMNO semakin berkurang atas beberapa faktor seperti kejayaan pembangunan UMNO sejak merdeka sehingga kini tidak lagi bersesuaian pada masa kini. Hal ini kerana rakyat menganggap bahawa pembangunan tersebut seharusnya dilakukan oleh kerajaan yang memerintah dan mengurus tadbir negara. Rakyat juga dikatakan lebih memandang kepada nilai integriti, moral dan ketelusan kerajaan di dalam menyelesaikan isu negara. Masyarakat kini menolak parti atau perwakilan parti yang terlibat di dalam skandal rasuah, penyelewengan kuasa, dan pelbagai lagi masalah moral lain. Oleh itu, pihak parti pembangkang telah mengambil peluang untuk membawa agenda politik sivil yang mementingkan hak asasi, hak perbahasan lebih terbuka, demokrasi, pendidikan yang lebih baik, kebijakan rakyat dan pelbagai. Hasilnya, rakyat telah mula tertarik dengan agenda pembawakan parti pembangkang dan beralih arah sokongan mereka pada ketika itu.

UMNO telah mula hilang pengaruhnya dalam kalangan rakyat Malaysia terutamanya orang Melayu kerana mereka tidak lagi taat dan setia kepada kepimpinan UMNO seperti dahulu. Kekuasaan mereka mula tercabar apabila kerajaan pula yang seharusnya mendengar suara dan permasalahan rakyat Malaysia. Hal ini sebagai bukti bahwasanya UMNO telah gagal menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh rakyat Malaysia dan terlalu selesa dengan posisi mereka sebagai parti dominan di Malaysia. Akhir sekali, UMNO dilihat semakin berubah atas kerana perubahan budaya politik yang disebabkan oleh agen-agen sosialisasi politik di Malaysia.

### **Tinggalan Sejarah sebagai Agen Sosialisasi Politik di Malaysia**

Sejak merdeka lagi, Malaysia telah menghadapi politik perkauman. Hal ini menjadi semakin parah apabila munculnya pertubuhan orang Cina dalam usaha perjuangan kaum mereka pada tahun 1958. Ia berikutan mengenai golongan minoriti di dalam Malaysian Chinese Association<sup>5</sup> (MCA) telah bangkit dan mencabar kewibawaan pemimpin parti MCA yang ketika itu, Tan Cheng Lock yang dikatakan tidak menjaga hak kepentingan dan kebijakan orang Cina ketika itu. Antara isu yang

---

<sup>5</sup> Persatuan Cina Malaya ditubuhkan pada 27 Februari 1949 dan melantik Tan Cheng Lock sebagai presiden pertama sebagai pertubuhan kebijakan. MCA menjadi sebuah parti politik selepas menyertai UMNO-MCA pada 1952 bagi tujuan memenangi Pilihanraya Perbandaran Kuala Lumpur bersama MIC. Gabungan ini kemudian dinamakan Parti Perikatan.

dibahaskan oleh golongan ini mengenai Dasar Pelajaran Kebangsaan yang dikatakan berat sebelah dan terus mendesak kerajaan ketika itu untuk menerima bahasa Cina sebagai salah satu bahasa rasmi negara (Haris Md Jadi, 1990).

Perjuangan mereka semakin meningkat apabila golongan ini mula menyuarakan tentang *Malaysia for Malaysians* bermaksud Malaysia bukan lagi untuk orang Melayu semata-mata tetapi untuk semua bangsa yang lahir di Malaysia sejak kemerdekaan negara. Oleh itu, hak bangsa Malaysia seharusnya adil dan saksama dan tiada lagi hak keistimewaan orang Melayu, hak bumiputera dan lain-lain. Parti MCA ketika itu menolak golongan minoriti ini dan hasilnya perpecahan ini terbentuklah DAP (*Democratic Action People*) yang memperjuangkan hak kesaksamaan untuk semua bangsa di Malaysia termasuk hak untuk menjadi Perdana Menteri bukan sahaja untuk orang Melayu tetapi kepada semua warganegara Malaysia.

Tambahan lagi, tinggalan sejarah mampu menjadi agen sosialisasi politik dan memberi impak kepada perubahan budaya politik di Malaysia. (Douglas, 1967) menyatakan pengaruh sejarah memang berkait rapat dengan proses sosialisasi politik. Ini menjadi bukti bahawa Malaysia tidak mampu menjadi seperti Indonesia yang mempunyai satu budaya yang sama walaupun terdiri dari pelbagai suku bangsa dan etnik yang berbeza.

Perbezaan demografi juga menyumbang kepada perbezaan kekuatan ekonomi dan politik antara kaum di Malaysia. Hal ini telah mendesak semua bangsa untuk menuntut hak sama rata mereka. Ketidakpuasan hati ini telah disebarluaskan oleh kaum masing-masing melalui surat khabar bahasa setiap kaum (Melayu, India, Cina), pengucapan terbuka, debat terbuka dan pelbagai lagi yang memberi kesan terhadap ketegangan hubungan perkauman di Malaysia. Melalui tinggalan sejarah telah mempengaruhi agen-agen sosialisasi politik yang lain untuk memainkan peranan mereka dalam proses pembentukan budaya politik di Malaysia.

### **Keluarga dan Sistem Pendidikan sebagai Agen Utama Sosialisasi Politik**

Keluarga merupakan agen sosialisasi politik primer dan paling berpengaruh supaya budaya politik Malaysia terus dipertahankan. Hal ini kerana keluarga merupakan pihak yang paling hampir dengan anak-anak sejak mereka lahir dalam membentuk perlakuan mereka sebelum meningkat dewasa. Setiap pengalaman dan pengajaran akan diajar oleh generasi terdahulu kepada generasi baharu supaya budaya itu tidak akan berubah.

Hal ini turut disokong oleh Wilson, (1974) di dalam kajiannya yang mengatakan bahawa keluarga merupakan unit asas di dalam sosialisasi politik di Malaysia. Oleh yang demikian keluarga merupakan pembentukkan unit masyarakat terkecil dalam proses membentuk masyarakat sosial di sebuah tempat. Hal ini turut dibincangkan oleh Hyman, (1959) dimana keluarga sebagai agen paling penting untuk membentuk orientasi dan penglibatan politik sejak dari akar umbi di dalam proses sosialisasi. Perbualan harian ibu bapa merupakan proses terpenting dalam membentuk corak pemikiran anak-anak. Mereka mudah terpengaruh dengan kata-kata ibu bapa mereka semasa menonton televisyen dan semasa melakukan pelbagai aktiviti lain lagi. Hal ini adalah jelas seperti mana yang diutarakan oleh (Beck, 1977) iaitu;

*“An examination of the impact of various agents of political socialization should begin with parents- almost universally expected to be the primary agents. In part, this expectation is based upon the highly favourable position of the parents in terms of three precondition for influence. No other agents enjoy such a cumulative edge exposure communication and receptivity.”* Melalui hubungan kekeluargaan, kanak-kanak mengalami proses mempelajari tentang nilai-nilai seperti moral, keagamaan, politik dan pelbagai lagi sepanjang proses tumbesaran mereka (Janda, Berry, Goldman, 1987) di dalam petikan mereka sebagai;

*“In most cases exposure communication and receptivity are highest in family child relation. From their families, children learn a wide range of value social, moral, religious, economies and political that helped to shape their opinions. “*

Pada peringkat awal perkembangan kanak-kanak, mereka akan sentiasa memerhati segala tindakan ibu bapa dan individu lain yang paling hampir dengan mereka seterusnya mencontohi dan meniru perlakuan ibu bapa mereka secara langsung dan tidak langsung. Sebagai contoh, dalam aspek kepercayaan dalam beragama, sekiranya ibu bapa menganuti agama Islam, maka sudah semestinya anak-anak mereka akan mempunyai pegangan agama yang sama dan ia akan kekal dan berterusan menjadi pegangan mereka pada masa akan datang.

Proses sosialisasi politik ini jelas menerangkan, segala keputusan yang dilakukan oleh orang dewasa akan mempengaruhi keputusan anak-anak mereka pada masa akan datang. Proses ini juga turut terjadi dalam proses membuat keputusan terhadap sokongan parti politik seperti pemilihan kerajaan semasa pengundian, dan lain-lain usaha yang dilakukan oleh ibu bapa turut mempengaruhi minda dan pemikiran anak-anak mereka dari segi kecenderungan politik mereka

sebagai hasil sosialisasi ini. Tambahan lagi, ini mampu menarik minat anak-anak mereka dengan persoalan politik dan bergantung kepada kecenderungan minat ibu bapa yang mungkin sebagai aktivis sesebuah parti dan memberi pendedahan yang lebih luas dan berkesan ke atas kanak-kanak dalam proses memahami proses politik kepartian juga.

### **Pendidikan juga Agen Sosialisasi Politik Berpengaruh di Malaysia**

Setelah meningkat dewasa, terdapat pelbagai agen sosialisasi politik yang berpengaruh seperti pendidikan dalam proses membentuk budaya politik di Malaysia. Pendidikan mampu memberi kesan kepada pembentukan pandangan, sikap dan nilai seseorang individu itu. Kanak-kanak juga mula didedahkan dengan nilai-nilai politik seperti mengikut tahap serta kemampuan mereka dalam mempelajari asas-asas pembentukan negara. Pendedahan dan pembelajaran lagu kebangsaan (Negaraku), bendera, wira negara dan hari kebangsaan didedahkan dan dipupuk untuk kanak-kanak mengenal politik (Janda, Berry & Goldman, 1987).

Tambahan lagi, semasa di alam persekolahan, kanak-kanak sentiasa didedahkan dengan penglibatan politik seperti kegiatan berpersatuan di dalam aktiviti kurikulum, badan beruniform dan kelab seterusnya diberikan peluang kepada mereka untuk dipilih menjadi ketua melalui undian atau pemilihan oleh ahli-ahli di dalam persatuan secara langsung dan tidak langsung. Hal ini jelas menunjukkan proses sosialisasi politik itu berterusan berlaku dari satu tahap ke tahap berikutnya sehinggalah individu itu meninggalkan institusi pendidikan.

### **Badan Bukan Kerajaan sebagai Agen Sosialisasi Berpengaruh di Malaysia**

Kesedaran tentang penglibatan masyarakat di dalam politik di Malaysia dipengaruhi oleh Badan Bukan Kerajaan (NGO). Badan Bukan Kerajaan (NGO) ini wujud melalui penglibatan masyarakat sivil yang merangkumi pelbagai golongan atau kelompok masyarakat seperti mahasiswa, orang awam serta anak muda dan kewujudan mereka dilihat begitu berpengaruh di dalam proses perubahan atau penambahbaikan budaya politik di Malaysia. Merujuk kepada Adam Ferguson, (1916) yang menceritakan kepentingan masyarakat sivil atau Badan Bukan Kerajaan (NGO) untuk mengimbangi peranan negara dan dominasi pemerintah. Hal ini menunjukkan jika semakin meningkat pengaruh mereka di dalam sistem pemerintahan negara semakin bertambah kesedaran rakyat untuk mempertahankan hak mereka daripada diambil kesempatan oleh pemerintah berkuasa. Di Malaysia sendiri, dengan wujudnya Badan Bukan Kerajaan telah membawa kepada sistem demokrasi yang lebih baik. Pihak ini bukan sahaja membantu kerajaan dalam

meringankan beban mereka tetapi juga turut membawa suara masyarakat agar lebih didengari oleh kerajaan persekutuan secara adil dan saksama. Perjuangan mereka tidak hanya berpihak kepada masyarakat majoriti atau minoriti tetapi lebih kepada keseluruhan masyarakat berasaskan keadilan, kedaulatan dan urusan mentadbir negara yang lebih efektif dan efisyen.

Antara usaha-usaha mereka ini adalah menggesa kerajaan untuk melakukan perubahan budaya dan sistem politik itu sendiri seperti mengutamakan nilai keadilan dan menghormati hak asasi manusia. Pelbagai lagi isu yang turut dibangkitkan seperti membanteras rasuah dan pilihan raya yang lebih amanah seperti yang disuarakan BERSIH, meredakan isu perkauman, hak kebebasan megeluarkan pendapat, hak untuk berhimpun dan bepersatu, pendidikan yang menepati kehendak industri masa kini dan pelbagai lagi. Hal ini telah disokong (Kassim Razali, 2013) yang meringkaskan bahawa asas tuntutan golongan masyarakat sivil dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) ini ke arah Malaysia yang lebih demokratik.

Hasilnya, telah membuka mata seluruh rakyat Malaysia untuk lebih peka dengan isu-isu politik dan menyedari kepentingan untuk mereka keluar mengundi pada hari pilihan raya. Tambahan lagi, ia juga telah meningkatkan keberanian dan keyakinan rakyat Malaysia untuk tidak lagi melihat politik Malaysia kepada politik yang menjaga kepentingan sesuatu kaum malah lebih fokus kepada isu-isu nasional.

### **MEDIA SOSIAL MENJADI AGEN SOSIALISASI POLITIK MASYARAKAT**

Menurut Magstadt, (2009), budaya politik bersifat fleksibel dan ia tertakluk kepada perubahan ekonomi dan arus kemodenan teknologi dari semasa ke semasa. Akibatnya, masyarakat abad ini sangat bergantung terhadap media sosial termasuk untuk tujuan politik yang menjadi agen utama sosialisasi politik (Fauziah Ahmad & Dafrizal Samsudin, 2017). Media sosial adalah aplikasi berasaskan jaringan internet yang berteknologi Web 2.0 yang membenarkan penghasilan dan perykarana maklumat kandungan yang dihasilkan pengguna (Kaplan & Haenlein, 2009). Antara contoh media sosial kini adalah seperti aplikasi Facebook, Tweeter, Instagram, Blogger, Whatsapp, Telegram dan pelbagai lagi yang menyebabkan segala maklumat sama ada sahih atau sebaliknya tersebar dengan cepat dan begitu luas. Aplikasi ini juga boleh digunakan dan diakses secara mudah alih di telefon bimbit, komputer riba atau sebagainya pada bila bila masa seterusnya membenarkan akses maklumat tanpa had seperti teks mesej, gambar, video, dan sebagainya.

Hal ini menyebabkan parti pembangkang mengambil ruang dan peluang untuk menyebarkan idea perjuangan mereka kepada orang ramai terutamanya anak muda pada masa kini. Kita dapat lihat perubahan minda masyarakat kini mengikut kepada perubahan arus teknologi. Hasilnya, masyarakat terutamanya anak muda terpengaruh di dalam perubahan budaya politik kerana mereka telah dapat maklumat dan pengetahuan politik bukan sahaja daripada sebelah pihak malah lebih seimbang daripada yang sebelumnya. Walaubagaimanapun (Kraus, 1978) pernah menghuraikan media amat berpengaruh untuk menyebarkan sesuatu agenda parti politik dalam membentuk dan mempengaruhi sikap dan pemikiran politik masyarakat. Dalam ulasannya (Kraus, 1978);

*“Audience not only learn about public issues and other matter through the media, they also learn how much important to attach to issue or topic from the emphasis placed on it by mass media. “*

Hal ini turut disokong oleh Schulte, (1997) “Medialah yang menetapkan agenda. Mereka pasti memainkan peranan dalam proses mendidik orang awam dan pembentukkan pendapat awam. Oleh itu, media massa juga digunakan sebagai saluran idea, perlakuan dan nilai –nilai politik yang disampaikan oleh sesebuah parti politik kepada kumpulan sasarannya. Jika tidak kerana media kebanyakkan individu pasti tidak menyedari isu semasa bukan sekadar isu politik malahan isu selain politik juga. Walaubagaimanapun, menurut Kluver et al., (2007) dan Wolfsfiel et al., (2013), penggunaan media sosial bagi tujuan politik dalam sebarang cara dan bentuk adalah tidak signifikan jika tahap capaian internet masih berada di tahap yang rendah malahan tidak akan berlaku aktiviti protes politik seperti demonstrasi jalanan, kempem pilihan raya besar-besaran atau sebagainya. Oleh itu, media sosial yang dianggap salah satu agen sosialisasi politik yang kurang berpengaruh di dalam perubahan budaya politik kerana media sosial tidak merangkumi seluruh aspek yang diperlukan seperti demografi sesuatu kawasan dimana masyarakat luar bandar berkemungkinan mempunyai capaian internet yang lebih rendah berbanding kawasan bandar. Tambahan lagi, masyarakat luar bandar kebanyakkan terdiri daripada orang-orang tua dan mereka mungkin tidak arif dengan penggunaan teknologi dan aplikasi sosial media pada zaman ini.

## **AGAMA SEBAGAI AGEN SOSIALISASI POLITIK**

Hubungan orang Islam dengan bukan Islam amat membimbangkan selepas merdeka. Hal ini adalah kerana isu keagamaan sering menjadi isu sensitif di dalam budaya politik di Malaysia. Walaubagaimanapun, kajian tentang tolerasi agama antara pengantau di Malaysia semakin baik dari tahun 2006 sehingga kini (Jawan et al., 2012). Sejauh manakah agama memainkan peranannya sebagai agen sosialisasi politik yang berpengaruh di dalam perubahan budaya politik di Malaysia.

Hubungan antara agama dan pembentukkan budaya politik menjadi identiti utama Parti Islam SeMalaysia (PAS) dengan menggunakan simbol-simbol keagamaan semasa berkempen dan melalui aktiviti-aktiviti keagamaan seperti Usrah, majlis ilmu dan sebagainya. Selain itu , identiti fizikal orang PAS melalui pemakaian seperti pemuda atau muslimin PAS sering mengenakan kopiah atau serban atau wanita PAS yang mengenakan tudung labuh dan jubah sebagai salah satu simbol pembawakan agenda islam di dalam manifesto pilihan raya mereka.

Selain Islam, pengaruh agama Buddha di dalam identity masyarakat Cina di Kelantan mendapat bahawa agama tersebut telah mempengaruhi mereka untuk mengurangkan identiti dan budaya Cina. Antara kejayaan pengaruh agama terhadap budaya politik di Malaysia dapat dikenalpasti di negeri Kelantan dimana pengaruh agama Islam diserap di dalam sistem dan budaya politik di negeri berkenaan. Hasilnya, walaupun terdapat pelbagai agama dan kepercayaan di Malaysia tetapi kesatupaduan masih boleh dicapai melalui demokrasi permuafakatan. Pemuafakatan politik terus menjadi asas kepada kestabilan dan kemajuan bukan sekada politik malah isu ekonomi dan sosial masyarakat pada masa akan datang (Shamsul Amri Baharuddin, 2012). Walaupun, pengaruh keagamaan tidak kelihatan terlalu kuat dan berbeza mengikut demografi sesebuah kawasan tetapi agama masih dijadikan sebab kukuh sebagai agen sosialisasi yang baik di dalam pemilihan pemimpin dan parti politik.

Terdapat pelbagai agen sosialisasi politik didalam proses membentuk budaya dan orientasi politik di Malaysia. Apabila seseorang individu itu terdedah kepada proses sosialisasi politik, individu lebih terdedah kepada nilai-nilai, budaya dan isu-isu politik dan akhirnya menanam minat kepada individu tersebut. Persoalannya sekiranya keluarga masih mampu kekal sebagai agen utama sosialisasi politik kini. Adakah keluarga masih berpengaruh membawa kembali semangat dan sokongan orang Melayu terhadap UMNO pada masa hadapan?

## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan dengan lebih mendalam mengenai kaedah yang digunakan untuk menganalisis data yang diterima daripada responden sebagai dapatan kajian ini. Secara amnya, metodologi kajian merujuk kepada teknik dan langkah-langkah yang boleh digunakan untuk mendapatkan data dan maklumat yang diperlukan oleh penyelidik. Cara terbaik untuk mendapatkan maklumat yang relevan dan tepat adalah melalui borang kaji selidik yang diedarkan kepada setiap ketua keluarga isi rumah di kawasan kajian iaitu Kampung Istana.

Sebagai langkah memenuhi objektif kajian, temubual secara terus diadakan untuk mengenal pasti apakah agen utama yang mempengaruhi budaya politik di DUN Penggaram. Melalui borang kaji selidik kajian turut meninjau sekiranya keluarga masih kekal sebagai agen utama sosialisasi politik di kawasan tersebut. Borang kaji selidik ini dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu latar belakang responden, penyertaan mereka dalam parti politik, peranan ketua keluarga sebagai agen utama dalam mempengaruhi perilaku politik ahli keluarga mereka, peranan agen lain yang dilihat lebih berpengaruh dalam pembentukan orientasi politik keluarga di DUN Penggaram, seterusnya melihat sekiranya perubahan politik ini bersifat kekal atau sementara.

Pada mulanya borang kaji selidik kajian dicadangkan untuk diedar secara bersempua dari rumah ke rumah kepada ketua isi rumah tetapi terdapat beberapa kekangan yang menyebabkan penyelidik menukar pendekatan kepada responden yang disasarkan. Seramai 30 ketua keluarga telah dikenal pasti sebagai sampel kajian. Kaedah *snowball* juga digunakan dimana penyelidik mendapat responden baru melalui cadangan responden sedia ada.

#### 3.2 Pendekatan Kajian

Terdapat 2 kaedah kajian yang dinamakan kuantitatif dan kualitatif yang sering digunakan dalam mengumpul data dan hasil kajian (Guba & Lincoln, 1994). Pendekatan kuantitatif merupakan kajian yang menekankan kepada fenomena objektif dan dikawal melalui pengumpulan dan analisis data (Nana, 2005; Chua, 2006; Fraenkel, 2007). Kaedah kuantitatif juga diuji secara statistik untuk melihat perhubungan antara pemboleh-pemboleh ubah yang digunakan. Hal ini bertujuan

untuk menerangkan sejauh mana peranan dan pengaruh ketua keluarga dalam membentuk orientasi politik komuniti Melayu, khususnya di Kampung Istana. Penyelidikan kuantitatif ini bersifat logik (mampu dilihat secara terus) kepada pemboleh-pemboleh ubah yang dikenal pasti sekiranya institusi keluarga tidak lagi menjadi agen paling berpengaruh dalam membentuk politik masyarakat Melayu. Kajian juga mengenalpasti selain keluarga, apakah agen manakah yang lebih berpengaruh seperti sejarah terdahulu, rakan-rakan, jiran tetangga, institusi pengajian, institusi keagamaan, media massa atau media sosial dan pelbagai lagi. Akhir kata, kaedah ini juga mempunyai ukuran yang tetap dalam mengukur fakta di dalam objek kajian dan bersifat terikat (tidak bebas).

Penyelidikan secara kualitatif pula merupakan kaedah kajian dalam menerangkan data gambaran yang boleh diamati berdasarkan pandangan dan pendapat terbuka responden yang disoal jawab (Lexy, 2007). Kaedah kualitatif tidak memerlukan responden yang ramai tetapi pengkaji hanya perlu menumpukan kepada dapatan informasi atau maklumat yang berkualiti dengan memberi fokus kepada sampel kecil dalam sesuatu kumpulan sasaran kajian. Hal ini dijamin mampu memberi tumpuan kepada proses capaian maklumat dan peristiwa secara interaktif.

Sepanjang kerja lapang, penyelidik dapat menilai tahap keyakinan komuniti Melayu di Kampung Istana terhadap kemampuan BN (UMNO) untuk kembali menjadi kerajaan bukan sahaja pada peringkat negeri Johor malah peringkat persekutuan. Selain itu, responden turut diberi ruang untuk mereka kongsikan pandangan tentang faktor dalam memilih sesuatu parti sebagai pilihan politik mereka serta pendapat mereka tentang badan bukan kerajaan (NGO) sebagai gagasan yang mampu menggantikan peranan parti politik pada masa hadapan. Responden juga diberi ruang dan peluang untuk memberikan alasan terhadap pendapat mereka dan hal ini jelas sekali melibatkan proses berfikir daripada isu umum kepada isu yang lebih khusus. Akhir sekali, pemerhatian berdasarkan kaedah kualitatif juga lebih bersifat bebas dan terbuka serta diyakini mampu membina realiti dan makna dalam budaya kajian.

Penyelidik menggunakan kedua-dua metodologi kajian iaitu kuantitatif dan kualitatif dalam usaha mencapai objektif kajian. Borang soal jawab diisi oleh pengkaji melalui *phone survey* dengan 30 ketua isi rumah di Kampung Istana.

Borang jawapan soal selidik terbahagi kepada **tujuh (7) bahagian** daripada bahagian A sehingga bahagian G. **Bahagian A, B dan C** menumpukan objektif kajian yang pertama iaitu sekiranya keluarga masih kekal sebagai agen sosialisasi politik utama

yang berpengaruh di DUN Penggaram, Batu Pahat pada masa ini. **Bahagian D** menumpukan objektif kajian yang kedua iaitu mengenalpasti agen sosialisasi politik yang lebih berpengaruh daripada institusi keluarga pada masa kini. Bahagian E pula adalah untuk menjawab objektif kajian yang terakhir iaitu meninjau adakah sokongan orang Melayu terhadap UMNO dapat dikembalikan pada PRU-15.

### Bahagian A

Untuk melihat kefahaman responden tentang kesedaran dan tanggungjawab mereka sebagai pengundi pada PRU-14. Selain itu, kajian turut mengenal pasti adakah mereka faham kesan yang boleh terjadi sekiranya mereka tidak keluar mengundi dan keyakinan mereka dengan pilihan yang dilakukan semasa hari mengundi. Bahagian ini juga turut mengkaji penyertaan seseorang individu dalam parti politiknya seperti keahlian dan jawatan mereka dalam sesebuah parti politik. Kajian kes juga merangkumi sejauh manakah sokongan seseorang individu terhadap parti politik pilihan mereka dan adakah ia dipengaruhi oleh mana-mana ahli keluarga seperti ibu bapa atau anak-anak mereka. Akhir sekali, bahagian ini turut membincangkan sekiranya politik menjadi topik perbincangan keluarga mereka.

### Bahagian B

Soalan pelbagai jawapan dan dipecahkan kepada dua (2) pecahan kecil iaitu jawapan berskala dan pilihan lebih daripada satu (1) jawapan. Pilihan jawapan berskala bertujuan untuk melihat jika ahli keluarga merupakan agen utama dalam mempengaruhi pandangan dan pendirian politik seseorang individu dan responden diberi jawapan berskala daripada skala 1 (paling utama) hingga skala 8 (yang paling kurang keutamaan). Pecahan kedua daripada bahagian B merupakan pilihan jawapan lebih daripada satu (1) dan ia bertujuan untuk mengenal pasti agen sosialisasi politik manakah yang paling berpengaruh dalam membentuk pendirian dan pandangan politik seseorang individu pada masa ini. Akhir sekali, bahagian B juga meninjau pendapat masyarakat mengenai parti politik, akhbar, rancangan berita TV dan sosial media yang menjadi pilihan mereka khususnya dalam mengikuti perkembangan politik Malaysia.

### Bahagian C

Untuk meninjau sekiranya keluarga kekal sebagai agen utama dalam memastikan orientasi dan pilihan parti politik sentiasa disokong oleh generasi seterusnya. Selain itu, ia juga turut meninjau peranan penting ketua keluarga dalam membentuk pemikiran politik ahli keluarga yang lain seterusnya memastikan anak-anak mereka

akan keluar mengundi pada hari pengundian Pilihan Raya Umum (PRU) di Malaysia. Akhir sekali, bahagian ini juga turut mengkaji sejauh manakah tahap kematangan politik ketua keluarga itu sendiri dalam menilai perkembangan politik seperti prestasi parti politik yang memerintah dalam memastikan kestabilan dan kesejahteraan Malaysia dari sudut isu ekonomi, sosial, keselamatan dan pelbagai lagi.

#### Bahagian D

Bertujuan untuk melihat peranan agen lain sebagai agen bepengaruh di dalam pembentukan budaya dan pendirian politik orang Melayu di Batu Pahat. Bahagian ini terbahagi kepada 8 agen sosialis politik dan empat anak soalan di bawah setiap agen tersebut. Responden haruslah memilih satu jawapan sama ada mereka sangat tidak bersetuju(1), tidak bersetuju (2), bersetuju (3) dan sangat bersetuju (4) dengan setiap kenyataan yang dikemukakan.

#### Bahagian E & F

Soalan tentang pandangan dan keyakinan penduduk Kampung Istana terhadap kekuatan UMNO pada masa kini seperti kemampuan mereka untuk kembali memerintah bukan sahaja di peringkat negeri malahan persekutuan juga. Kajian turut mengenalpasti faktor yang mendorong mereka untuk terus menyokong UMNO atau sebaliknya. Akhir sekali, kajian ini mendapatkan pandangan mereka tentang NGO yang dilihat lebih diterima masyarakat tempatan dalam menyuarakan isu rakyat berbanding parti politik pada masa akan datang.

#### Bahagian G


Untuk mendapatkan maklumat responden sepanjang kaji selidik dijalankan. Hal ini bertujuan agar penyelidik dapat mengenalpasti data asas responden seperti jantina, umur, sektor kerjaya, status, tahap pendapatan, tahap pendidikan mereka termasuklah ibu bapa mereka, bilangan isi rumah dan jenis pemilikan rumah.

Terdapat seramai 956 orang pemilih berdaftar di Kampung Istana dan majoritinya (99 peratus) adalah orang Melayu yang asalnya merupakan orang atau ahli UMNO semenjak berpuluhan tahun lamanya. Selain itu, faktor demografi kampung itu sendiri yang terdiri daripada penduduk asal di mana kekuatan UMNO itu sendiri telah lama wujud di kawasan berkenaan. Kampung Istana merupakan penempatan di bawah pusat pengundian DUN Penggaram. DUN Penggaram mengalami perubahan orientasi politik di mana selama bertahun-tahun, DUN ini diwakili oleh perwakilan MCA yang menjadi komponen BN akhirnya tumpas ke tangan *Democratic Action Party* (DAP) di bawah Pakatan Rakyat pada PRU-13 (2013) dan majoriti kemenangan


mereka semakin meningkat pada PRU-14 (Malaysia Kini, 2018). Hampir keseluruhan penduduk asal Kampung Istana merupakan orang Melayu dan ini menjadikan UMNO sangat dominan dalam kalangan komuniti Kampung Istana sehingga kini. Dengan perubahan pola pengundian di DUN Penggaram menjadi faktor kajian dilakukan untuk melihat sejauh manakah perubahan yang berlaku di kawasan berkenaan.

### 3.3: Rangka Kerja Kajian

Rajah A:



Rajah B:



Untuk rajah pertama yang melibatkan hubungan antara pembolehubah bebas (X) dan bergantung (Y) di mana X mewakili pandangan, pendirian serta budaya politik komuniti Melayu terutamanya Kampung Istana, Batu Pahat dan Y mewakili agen sosialisasi politik yang dirasakan paling berpengaruh dalam membentuk X. Jenis pembolehubah Y dan X merupakan data kuantitatif. Oleh itu, pembolehubah X (agen sosialisasi politik) mampu mempengaruhi pemboleh ubah Y (pandangan, pendirian dan budaya politik masyarakat setempat).

Rajah kedua membantu objektif ketiga iaitu sekiranya UMNO masih lagi berperanan sebagai parti dominan untuk komuniti Melayu di Batu Pahat. Pengkaji telah menyediakan jawapan sama ada Ya atau Tidak berserta alasan yang diberikan oleh responden di dalam bahagian pandangan terbuka. Selain itu, jika responden tidak lagi merasa relevan, pengkaji turut meminta pandangan responden jika ada satu parti politik di Malaysia yang mereka percaya dapat membela hak dan keselamatan orang Melayu di Malaysia.

Dengan adanya kedua-dua rangka kerja di atas, kajian ini akan menunjukkan model teori baru yang lebih mudah difahami dengan cara melihat hubungkait antara pembolehubah X dan Y serta soalan pandangan terbuka mengenai sokongan orang Melayu terhadap parti UMNO pada masa ini. Akhir sekali, rangka kajian ini akan membantu pengkaji untuk melihat dengan lebih jelas tentang permasalahan kajian dan cara untuk menjawab persoalan serta mencapai objektif kajian yang dinyatakan.

### **3.4 Kaedah Pengumpulan Maklumat Dan Data Kajian**

#### **A) Data Primer**

Dalam proses pengumpulan data, pengkaji hanya mengambil data melalui data primer di mana soal selidik secara terus kepada responden atau kumpulan sasaran daripada populasi penduduk Kampung Istana. Pengumpulan data secara bersemuta atau *face to face* melibatkan kos yang tinggi dan penggunaan masa yang banyak. Walaubagaimanapun, terdapat beberapa kebaikan daripada kaedah ini seperti pengkaji dapat memastikan bahawa responden memahami dengan soalan yang dikemukakan oleh pengkaji dalam borang kaji selidik. Selain itu, pengkaji dapat memastikan responden menjawab setiap soalan yang diberikan tanpa meninggalkan soalan yang dirasakan sukar. Akhir sekali, pengkaji dapat bertanyakan soalan yang lebih terperinci yang tidak terdapat dalam borang soal kaji selidik yang diedarkan sebagai rujukan atau panduan dalam perbincang keputusan kajian di bab yang seterusnya.

### **3.5 Pra-Kajian (*Pilot Test*)**

Untuk memastikan borang soal selidik bertepatan dengan objektif kajian, pra kajian merupakan elemen yang sangat penting untuk mendapatkan indikator yang tepat dan berguna. Pra kajian telah dilakukan dari 13hb sehingga 14hb Mac 2020 untuk memastikan responden memahami soalan yang dikemukakan oleh pengkaji sebelum ia digunakan dalam kajian yang sebenar. Oleh itu, pengkaji telah terlebih dahulu memilih 5 orang responden yang tinggal di Kampung Istana untuk pra kajian ini. Melalui respon mereka, terdapat beberapa soalan yang diteliti kembali dan diperbetulkan agar mudah difahami responden dan membantu objektif kajian.

## **3.6 Penilaian Pemboleh Ubah**

### **3.6.1 Keluarga Sebagai Agen Sosialisasi Politik Utama**

Keluarga boleh dianggap sebagai elemen yang paling dekat dengan seseorang individu. Pembentukan peribadi seseorang individu dibentuk melalui proses tumbesaran mereka dan keluarga merupakan agen yang paling berpengaruh dalam proses tersebut termasuklah pembentukan pandangan serta pendirian politik mereka. Pengkaji akan mengenalpasti sekiranya keluarga kekal sebagai agen sosialisasi politik yang berpengaruh di Malaysia yang mampu untuk mempengaruhi orientasi dan perlakuan politik masyarakat di daerah Batu Pahat.

### **3.6.2 Agen-Agen Sosialisasi Politik Lain Yang Lebih Berpengaruh di Kawasan Kajian**

Pemboleh ubah ini menumpukan kepada beberapa agen lain seperti tinggalan sejarah yang membentuk pendirian politik seseorang individu atau terdapat peranan lain seperti rakan-rakan sekerja, institusi kejiranan, institusi keagamaan, Badan Bukan Kerajaan (NGO), media sosial dan media massa yang lebih banyak mempengaruhi proses sosialisasi politik di kawasan berkenaan. Kajian ini meninjau bagaimakah agen-agen lain ini boleh memberi kesan terhadap pandangan serta politik masyarakat setempat.

### **3.6.3 UMNO Kekal Sebagai Parti Dominan**

Kajian ini mengenalpasti pengaruh UMNO di peringkat akar umbi, khususnya di Batu Pahat. Terdapat beberapa soalan terbuka dalam meninjau pendapat komuniti Melayu di Kampung Istana jika UMNO masih kekal relevan sebagai parti yang menjaga hak dan kepentingan mereka. Selain itu, penyelidik boleh mengenalpasti sekiranya komuniti Melayu di kawasan berkenaan merupakan ahli setia UMNO atau telah

berubah sokongan kepada parti lain. Akhir sekali, kajian ini juga turut menyediakan ruangan alasan bagi kenyataan sokongan setia mereka terhadap UMNO dan yakin bahawa UMNO masih relevan sebagai parti dominan di Malaysia disamping mengenalpasti jika pihak NGO meyakinkan rakyat terhadap usaha mereka yang lebih melindungi kepentingan rakyat di Malaysia berbanding parti politik.

### **3.7 Kaedah Analisis Data Kajian**

Microsoft Excell digunakan untuk menganalisa data kuantitatif kajian berdasarkan borang kaji selidik yang diperoleh daripada 30 sampel responden. Segala maklumat dan data akan disatukan dalam jadual, carta atau graf mengikut kod soalan yang disediakan pengkaji.

Bahagian A telah dikodkan sebagai A.K.P.1 sehingga A.K.P.6 manakala bahagian penyertaan individu dalam parti politik telak dikodkan sebagai A.P.P.7 sehingga A.P.P.23. Manakala Bahagian B pula dibahagikan kepada soalan berskala dari skala 1 yang bermaksud pilihan paling utama hingga skala 8 yang paling kurang utama dalam pilihan jawapan yang diberikan. Pecahan kedua dalam bahagian B pula adalah pilihan jawapan lebih daripada 1 di mana responden boleh memilih lebih daripada 1 jawapan yang dikemukakan oleh pengkaji. Bahagian C pula adalah untuk meninjau peranan institusi kekeluargaan sebagai agen sosialisasi politik utama di kawasan kajian dan dikodkan sebagai C.K.A.S.1 sehingga C.K.A.S.10.

Bahagian D pula dibahagikan kepada beberapa kod mengikut agen yang sediakan pengkaji bermula D.S.T.1 hingga D.S.T.4 untuk bahagian tinggalan sejarah sebagai agen sosialisasi politik yang lebih berpengaruh di Malaysia. Kemudian, peranan institusi pendidikan yang dikodkan sebagai D.I.P.1 hingga D.I.P.4. Agen seterusnya yang diberikan kod adalah D.K.K.1 sehingga D.K.K.4 yang mewakili kawasan kejiranan responden sebagai agen sosialisasi politik. Tambahan lagi peranan parti politik iaitu D.P.P.1 hingga D.P.P.4 dan masyarakat sivil serta Badan Bukan Kerajaan yang dikodkan sebagai D.S.B.1 hingga D.S.B.4. Peranan institusi keagamaan juga tidak dilupakan sebagai agen yang mampu mempengaruhi pandangan serta pendirian politik masyarakat dan dikodkan sebagai D.I.K.1 hingga D.I.K.4 dalam analisis data kajian. Akhir sekali, peranan media Massa dan media sosial yang amat penting dalam proses menyampaikan maklumat kepada orang ramai turut menjadi agen sosialisasi politik dan media Massa dikodkan sebagai D.M.M.1 hingga D.M.M.4 manakala media sosial dikodkan sebagai D.M.S.1 hingga D.M.S.4.

Bahagian E digunakan untuk meninjau jika UMNO masih kekal sebagai parti dominan di Malaysia dan dikodkan sebagai E.U.K.1 hingga E.U.K.12. Bahagian F pula tiada kod nombor yang diberikan kerana ia adalah soalan pendapat terbuka (kualitatif) responden. Bahagian G pula merupakan soalan demografi responden dan kod yang diberikan untuk jantina adalah J.1 mewakili lelaki dan J.2 mewakili perempuan. Sektor kerjaya pula adalah dikodkan sebagai K.1 (kerajaan), K.2 (swasta), K.3 (Bekerja sendiri) dan K.4(lain-lain). Seterusnya, jumlah pendapatan diberikan kod P.1 (pendapatan bawah RM 1,000/bulan), P.2 (Pendapatan bawah RM 2,000), P.3 (pendapatan seisi rumah B40), P.4 (pendapatan seisi rumah M40) dan P.5 (pendapatan isi rumah T20). Responden turut diminta menjawab tahap pendidikan ibu bapa dan diri sendiri dan dikodkan sebagai E.1 (Sekolah Rendah), E.2 (SRP), E.3(SPM), E.4 (STPM/Diploma atau setaraf), E.5 (Ijazah Sarjana Muda), E.6 (Ijazah Sarjana/ Kedoktoran). Akhir sekali, jenis pemilikan rumah turut diambil kira dalam kajian kes ini di mana dikodkan sebagai H.1 (rumah sewa), H.2 (rumah sendiri), H.3 (rumah pusaka) dan H.4 (lain-lain).

## **BAB 4**

### **HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN**


#### **4.1 Pengenalan**

Fokus utama bab ini adalah untuk membincangkan dan menganalisis hasil kajian. Bab ini mengandungi tujuh (7) bahagian. Bahagian pertama ialah menganalisis profil demografi responden di kawasan kajian, Kampung Istana, Batu Pahat, Johor. Bahagian seterusnya membincangkan latar belakang serta pandangan politik setiap responden dan meninjau peranan beberapa institusi yang dilihat berpotensi untuk menjadi agen sosialisasi politik di kawasan kajian. Bahagian ketiga pula meninjau serta mengenal pasti sama ada keluarga masih berperanan sebagai agen sosialisasi politik yang paling berpengaruh di kawasan kajian. Bahagian keempat pula akan meninjau serta memastikan sekiranya terdapat agen sosialisasi politik lain yang lebih berpengaruh daripada institusi keluarga. Bahagian kelima khusus meninjau pandangan responden Kampung Istana sekiranya UMNO masih kekal relevan bukan sahaja di peringkat negeri malahan persekutuan. Akhir sekali, turut ditinjau tahap keyakinan rakyat terhadap beberapa parti politik yang sedia ada, khususnya UMNO di samping melihat potensi serta kemampuan Badan Bukan Kerajaan (NGO) menggantikan peranan sebagai parti politik sebagai agen sosialisasi dan gagasan politik dalam memperjuangkan hak dan suara rakyat Malaysia.

#### **4.2 Profil Demografi**


Bahagian ini membincangkan profil demografi responden seperti data maklumat peribadi responden mengikut kategori-kategori yang telah ditetapkan.

Rajah 1 : Profil demografi responden mengikut jantina  
N= 30




Rajah 1 menunjukkan bahawa majoriti responden yang ditemui bual (80%) merupakan lelaki dan selebihnya ialah perempuan (20%), berjaya disasarkan sebagai ketua keluarga di Kampung Istana.

Rajah 2 : Profil demografi responden mengikut umur  
N=30




Rajah 2 menunjukkan hampir 40 peratus responden (36.66 %) berusia antara 51 hingga 60 tahun dan diikuti lebih 25 peratus (26.67%) berusia antara 61 hingga 70 tahun, kurang 20 peratus (16.67%) berusia antara 41 hingga 50 tahun dan 10 peratus responden berusia antara 31 hingga 40 tahun, kurang daripada 10 peratus (6.67%) berusia 70 tahun ke atas dan selebihnya (3.33%) berusia antara 21 hingga 30 tahun. Oleh itu, hasil kajian menunjukkan majoriti responden yang menjadi ketua keluarga di kawasan kajian adalah individu yang berusia 40 tahun ke atas.

Rajah 3 : Profil demografi responden mengikut status perkahwinan  
N=30




Rajah 3 menjelaskan majoriti (93.33%) responden yang ditemui bual telah berkahwin dan sebilangan kecil (6.67%) sahaja berstatus bujang. Hal ini membuktikan bahawa kebanyakan responden yang menjadi ketua keluarga merupakan individu yang telah berkahwin dan tinggal bersama ahli keluarga mereka.

Rajah 4 : Profil demografi responden yang mengikut jenis pemilikan rumah  
N=30




Rajah 4 menunjukkan bahawa sebahagian (50%) responden merupakan pemilik asal rumah di kawasan kajian manakala sebahagian (50%) lagi menyatakan rumah tersebut merupakan harta yang diwarisi daripada ibu bapa mereka. Ini menunjukkan dengan jelas bahawa kesemua responden merupakan penduduk asal Kampung Istana dan mempunyai latar belakang serta pengalaman tinggal dan membesar membesar di kawasan kajian.

Rajah 5 : Profil demografi responden mengikut isi rumah  
N=30




Rajah 5 menggambarkan lebih 70 peratus (73.33%) responden mempunyai bilangan isi rumah antara 3 hingga 6 orang manakala 20 peratus responden mempunyai isi rumah seramai 2 orang sahaja di mana responden hanya tinggal berdua bersama pasangan. Akhir sekali, selebihnya (6.67%) responden mempunyai bilangan isi rumah seramai 7 orang ke atas.

Rajah 6 : Profil demografi mengikut bilangan isi rumah yang layak mengundi  
N=30




Rajah 6 menunjukkan bahawa hampir 40 peratus (36.67%) responden mempunyai 2 orang ahli keluarga yang merupakan pengundi berdaftar, diikuti dengan lebih 25 peratus (26.67%) mempunyai 4 orang ahli keluarga yang sah sebagai pengundi berdaftar. Rajah di atas juga menjelaskan bahawa kurang 20 peratus (16.67%) yang mempunyai bilangan ahli keluarga seramai 3 orang yang layak menngundi. Akhir sekali, rajah ini juga menunjukkan kurang 10 peratus (6.67%) responden mempunyai seramai 6 orang ahli keluarga diikuti dengan sebilangan kecil (3.33%) yang mempunyai seramai 7 orang yang berdaftar sebagai pengundi.

Rajah 7 : Tahap pendidikan tertinggi ibu bapa kepada responden  
N=30



Rajah 7 menunjukkan hampir 40 peratus (36.67%) memiliki sijil pengajian peringkat diploma serta 30 peratus adalah graduan lulusan Ijazah Sarjana Muda di universiti dan selebihnya (33.33%) memiliki lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Oleh itu, rajah ini menunjukkan bahawa kebanyakan penduduk Kampung Istana mempunyai latar belakang pendidikan yang tinggi (sederhana) dan mereka mencapai pendidikan formal sekurang-kurangnya menamatkan pendidikan menengah.

Rajah 8: Profil demografi responden mengikut tahap pendidikan ibu bapa mereka  
N= 30




Rajah 8 menunjukkan perbezaan tahap pendidikan yang diterima oleh responden dan ibu bapa mereka. Rajah 8 menunjukkan bahawa sebahagian besar (50%) golongan bapa kepada responden mempunyai tahap pendidikan sehingga SPM, diikuti dengan hampir 30 peratus (26.66%) mempunyai pendidikan sehingga Penilaian Darjah 6. Terdapat lebih 20 peratus pula tidak mempunyai apa-apa pendidikan formal dan selebihnya (3.34%) hanya bersekolah rendah dan tidak mempunyai sijil tamat persekolahan atas faktor-faktor yang tidak dapat dielakkan seperti kekangan

kewangan, kemudahan yang tidak mencukupi dan lain-lain. Oleh itu, tahap penilaian dan pandangan politik responden juga sedikit berbeza daripada ibu bapa mereka kerana penyelidik percaya pergaulan di sekolah menjadi faktor utama untuk responden bersikap lebih terbuka dalam menilai perubahan politik semasa.

Rajah 8 juga menunjukkan bahawa tahap pendidikan ibu kepada responden amat berbeza tetapi telah dijangka oleh penyelidik di mana lebih 30 peratus (33.34%) ibu kepada responden menamatkan persekolahan sehingga Penilaian Darjah 6 dan lebih 25 peratus(30%) tidak pernah mendapat pendidikan formal di sekolah. Walaubagaimanapun, terdapat lebih 20 peratus (26.66%) mempunyai latar belakang pendidikan sehingga SPM dan bawah 10 peratus (6.66%) melanjutkan persekolahan sehingga Tingkatan 3 dan selebihnya (3.34%) hanya bersekolah rendah tanpa berjaya menamatkan Penilaian Darjah 6.


Rajah 9 : Profil demografi responden mengikut tahap pendapatan  
N=30



Rajah 9 menunjukkan lebih 40 peratus (43.33%) responden merupakan pekerja di sektor swasta diikuti dengan lebih 30 peratus (33.34%) sebagai bekerja sebagai kakitangan awam. Walaubagaimapun, terdapat lebih 10 peratus (13.33%) responden

yang berkerja sendiri dan selebihnya (10%), merupakan kategori di luar tenaga buruh<sup>6</sup> seperti golongan pesara.

Rajah 10 : Profil demografi responden mengikut tahap pendapatan  
N=30



Rajah 10 menunjukkan lebih 20 peratus (23%) berpendapatan kurang daripada RM 3,860 dan dikategorikan dalam kumpulan B40, diikuti dengan 20 peratus responden berpendapatan antara RM 1,000 hingga RM 2,000 sebulan. Responden dari kategori golongan menengah (M40) yang berpendapatan antara RM 3,860 sehingga RM 8,319 sebulan hanyalah lebih sedikit daripada 10 peratus (11.37%), Hanya sebilangan kecil (10%) yang berada dalam golongan T20 dengan pendapatan melebihi RM 8,319 sebulan dan 10 peratus lagi merupakan responden yang berpendapatan di bawah RM 1,000 sebulan.<sup>7</sup>


<sup>6</sup> Luar tenaga buruh merujuk kepada penduduk yang berusia antara 15-64 tahun dan tidak dikelaskan sebagai pekerja atau penganggur seperti golongan Orang Kurang Upaya (OKU), pesara, tidak berminat mencari pekerjaan dan penuntut sekolah dan universiti.

<sup>7</sup> Tahap pendapatan ini dikendalikan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia 2 kali setiap 5 tahun sebagai penanda aras untuk petunjuk pertumbuhan ekonomi negara

#### 4.3 Latar belakang dan Orientasi Politik Responden


Bahagian ini membincangkan latar belakang dan orientasi responden yang menyertai survei dan turut ditemui bual bagi kajian ini. Sehubungan itu, penyelidik dapat mengetahui latar belakang dan orientasi politik responden melalui hasil kajian di bawah.

Rajah 11 :Pengaruh Institusi Keluarga dalam pembentukan orientasi politik  
N=30



Rajah 11 mendapati lebih 40 peratus (43.33%) responden memilih bapa sebagai ahli keluarga yang paling berpengaruh dalam membentuk budaya politik ahli keluarga mereka diikuti dengan 20 peratus responden mengatakan ibu sebagai ahli keluarga yang paling berpengaruh dalam membentuk orientasi politik anak-anak mereka. Hasil kajian juga mendapati bahawa lebih 15 peratus (16.67%) memilih suami atau isteri sebagai ahli keluarga yang paling berpengaruh dalam mengubah pemikiran politik mereka, diikuti dengan lebih 10 peratus (13.33%) memilih adik beradik sebagai ahli keluarga yang paling berpengaruh. Terdapat sebilangan kecil (6.67%) berpendapat bahawa pandangan politik mereka turut dipengaruhi oleh datuk mereka. Terdapat 2 ahli keluarga yang tidak mempunyai peranan dalam mempengaruhi perilaku politik mereka iaitu nenek dan anak-anak kepada responden. Oleh itu, hasil kajian bertentangan dengan jangkaan penyelidik bahawa terdapat *reversible role* antara ibu bapa dan anak-anak di kawasan kajian.

Rajah 12 : Agen Sosialisasi Politik Paling Berpengaruh di DUN Penggaram.  
N=30



Rajah 12 menunjukkan hampir 50 peratus (46.67%) responden memilih institusi keluarga sebagai agen sosialisasi politik utama di Kampung Istana diikuti oleh 2 agen lain iaitu hampir 20 peratus (16.67%) memilih parti politik sebagai agen sosialisasi politik mereka. Sehubungan itu, terdapat 17 peratus (16.67%) lagi bersetuju bahawa kawan-kawan sebagai agen sosialisasi politik yang berpengaruh di Kampong Istana. Terdapat sebilangan kecil (10%) responden yang memilih agen lain mereka seperti peranan majikan, media sosial dan NGO sebagai agen utama sosialisasi politik mereka. Kurang 10 peratus (6.66%) responden merujuk kepada peranan institusi pendidikan dan selebihnya (3.33%) responden memilih peranan media massa. Akhir sekali, komuniti setempat termasuklah peranan jiran tetangga di kawasan perumahan, flat atau apartment serta institusi agama seperti peranan masjid, surau dan individu penting seperti mufti, imam serta jemaah masjid dan surau tidak dianggap sebagai agen utama oleh mana-mana responden di kawasan kajian.

Jadual 1 : Keyakinan responden terhadap parti politik  
N=30

Parti	Frekuensi	Peratus (%)
UMNO	28	93.33
KEADILAN	7	23.33
AMANAH	5	16.67
PAS	23	76.67
Parti Sosialis Malaysia (PSM)	0	-
DAP	0	-
Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM)	23	76.67

Jadual 1 menunjukkan majoriti (93.33%) responden meletakkan keyakinan tinggi terhadap UMNO untuk memulihkan kembali ekonomi dan pentadbiran negara. Selain itu, lebih 75 peratus (76.67%) responden meletakkan kepercayaan mereka terhadap PPBM dan PAS untuk menjaga kepentingan rakyat dan memastikan kesejahteraan Malaysia. Akhir sekali, kurang daripada 25 peratus (23.33%) responden berasa yakin terhadap PKR dan selebihnya (16.67%) percaya parti AMANAH mampu menjaga kebijakan rakyat.

Jadual 2 : Akhbar tempatan yang menjadi pilihan responden  
N=30

Akhbar Tempatan	Frekuensi	Peratus (%)
Utusan Malaysia	15	50
Berita Harian	6	20
Harian Metro	7	23.33
KOSMO	9	30
SINAR	11	36.67
NST	6	20
STAR	12	40
Lain-lain	2	6.67

Jadual 2 menerangkan sebahagian (50%) responden merupakan pelanggan setia akhbar Utusan Malaysia dalam mengikuti setiap isu bukan sahaja politik malahan sukan, sosial, ekonomi dan sebagainya di dalam atau luar negara. Hasil kajian yang tidak dijangka apabila The STAR mendapat pilihan 40% responden diikuti dengan lebih 35 peratus (36.67%) akhbar SINAR. Jadual juga mendapat lebih 20 peratus (23.33%) responden yang melanggan akhbar Harian Metro. Sejumlah kecil (20%) dimana masing-masing telah memilih Berita Harian) dan NST sebagai saluran mereka untuk mengetahui perkembangan politik di Malaysia. Akhir sekali, terdapat

kurang 10 peratus responden melanggan lain-lain akhbar iaitu Suara Rakyat dan Harakah dalam menilai perubahan politik di Malaysia.

Jadual 3 : Media Sosial yang Menjadi Pilihan Responden  
N=30

Media Sosial	Kekerapan	Peratus (%)
Facebook	25	83.33
Twitter	2	6.67
Blogspot	21	70
Instagram	3	10
Whatsapp	20	66.67
Youtube	12	40
Telegram	2	6.67

Jadual 3 menunjukkan majoriti (83.33%) responden memilih *Facebook* dan 70 peratus responden menjadikan *Blogspot* sebagai pilihan utama mereka dalam mengikuti perkembangan isu-isu semasa di Malaysia. Kedua-dua sumber ini sangat dipercayai dalam menyampaikan maklumat politik dan juga isu yang berkaitan di dalam dan luar Malaysia termasuklah perkembangan semasa parti politik yang disokong oleh mereka. Lebih 65 peratus (66.67%) responden memilih aplikasi *Whatsapp* sebagai saluran utama mereka untuk menerima dan menyebarkan informasi semasa politik Malaysia. Hal ini menyebabkan mereka mampu menerima segala maklumat dan berita penting dengan cepat dan mudah.

Jadual atas juga menunjukkan 40 peratus responden berasa Laman Sesawang *Youtube* merupakan saluran atas talian yang efektif dalam mengubah pemikiran rakyat Malaysia. Hal ini kerana mereka mampu mengikuti ceramah, perdebatan, perbincangan dan sebagainya agar pemikiran politik mereka lebih matang untuk menilai imej kepimpinan wakil rakyat mereka semasa mentadbir kawasan tempatan. Sehubungan itu, 10 peratus responden berasa bahawa *Instagram* merupakan saluran media sosial yang mampu mempengaruhi mereka dalam isu semasa di Malaysia. Tambahan lagi, terdapat 10 peratus responden menjadikan *Telegram* dalam mengikuti berita semasa yang melibatkan negara atau pemimpin parti/negara. Akhir sekali, sekumpulan minoriti (6.67%) responden melayari Laman Sesawang *Twitter* untuk mengikuti perkembangan politik di Malaysia.

Jadual 4: Saluran Berita yang Menjadi Pilihan Responden  
N=30

Berita TV	Kekerapan	Peratus (%)
Berita Nasional (TV1)	4	13.33
Berita TV2	2	6.67
Buletin Utama (TV3)	14	46.67
NTV7 News	2	6.67
Berita TV9	0	-
Astro Awani	19	63.33
BERNAMA News	16	53.33
Lain-lain	4	13.33

Jadual 4 membuktikan sebahagian besar (63.33%) responden berasa segala isu yang dilaporkan oleh Berita Awani memberi pengaruh yang signifikan dalam membentuk pemikiran dan pandangan politik mereka. Lebih separuh (53.33%) responden memilih Bernama News atau Berita Bernama manakala lebih 45 peratus (46.67%) responden mengikuti Buletin Utama TV 3. Mereka berpendapat laporan berita tentang isu negara oleh Bernama News dan Buletin Utama adalah lebih menyeluruh dan berkesan kepada rakyat Malaysia.

Akhir sekali, Berita TV1 (13.33%), TV2 (6.67%), NTV7 News (6.67%) dan Berita 9 (0%) kurang menjadi pilihan kerana laporan yang dibawakan mereka kurang menarik dan tidak mampu mempengaruhi pendirian dan pandangan politik mereka. Akhir sekali, terdapat kumpulan minoriti (13.33%) responden yang menonton siaran berita Antarabangsa seperti Al-Jazeera, BBC dan juga CNN bagi mendapatkan pandangan pihak luar mengenai suasana politik negara dan global, seterusnya membuat perbandingan kemajuan dan pembangunan Malaysia dengan negara luar.

Jadual 5 : Latar Belakang dan Orientasi Politik Responden  
N=30

Soalan	Frekuensi		Jumlah	Peratus(%)		Jumlah(%)
	Ya	Tidak		Ya	Tidak	
A.K.P.1	29	1	30	96.67	3.33	100
A.K.P.2	28	2	30	93.33	6.67	100
A.K.P.3	26	4	30	86.67	13.33	100
A.K.P.4	29	1	30	96.67	3.33	100
A.K.P.5	29	1	30	96.67	3.33	100
A.K.P.6	17	13	30	56.67	43.33	100
A.P.P.7	17	13	30	56.67	43.33	100
A.P.P.8	12	18	30	40	60	100
A.P.P.9	6	24	30	20	80	100
A.P.P.10	12	18	30	40	60	100
A.P.P.11	15	15	30	50	50	100
A.P.P.12	24	6	30	80	20	100
A.P.P.13	21	9	30	70	30	100
A.P.P.14	16	14	30	53.33	46.67	100
A.P.P.15	9	21	30	30	70	100
A.P.P.16	19	11	30	63.33	36.67	100
A.P.P.17	24	6	30	80	20	100
A.P.P.18	21	9	30	70	30	100
A.P.P.19	18	12	3	60	40	100
A.P.P.20	15	15	30	50	50	100
A.P.P.21	19	11	30	63.33	36.67	100
A.P.P.22	17	13	30	56.67	43.33	100
A.P.P.23	15	15	30	50	50	100

Jadual 5 menunjukkan lebih 95 peratus (96.67%) responden adalah pengundi berdaftar dan majoriti (93.33%) pernah mengundi sekurang-kurangnya sekali. Jadual di atas juga membuktikan hampir semua (96.67%) responden faham tentang tanggungjawab mereka sebagai rakyat Malaysia dan majoriti (96.67%) juga sedar implikasi sekiranya mereka tidak keluar mengundi. Jadual 5 juga mendapati lebih 80 peratus (86.67%) responden telah keluar mengundi pada PRU-14, walaubagaimanapun lebih dari sebahagian (56.67%) mereka tidak yakin dengan keputusan dan pilihan yang dibuat pada hari mengundi.

Jadual 5 juga melaporkan hampir 60 peratus (56.67%) responden merupakan ahli parti politik di kawasan kajian dan kebanyakannya (40%) mereka memegang jawatan penting dalam parti seperti ketua cawangan, timbalan pengurus daftar ahli cawangan, ketua pemuda UMNO daerah, bendahari serta setiausaha sama ada Pemuda, Wanita atau Puteri UMNO peringkat cawangan, daerah mahupun negeri. Penyelidik tidak menyedari bahawa kebanyakannya responden yang ditemui bual

merupakan individu yang berjawatan dalam UMNO kerana data responde diperolehi melalui kaedah *snowball*.<sup>8</sup>

Walaubagaimanapun jadual 5 juga menunjukkan hanya 20 peratus sahaja responden pernah menyertai aktiviti politik seperti memghadiri mesyuarat tahunan, ceramah umum, kempen parti dan sebagainya tetapi jadual ini (yang di atas) juga menunjukkan 40 peratus responden sering menyumbangkan masa, tenaga dan wang ringgit demi kejayaan parti yang mereka sertai.

Bahagian ini turut menganalisis jadual 5 di mana 50 peratus responden mempunyai keraguan untuk terus menyokong UMNO dan lebih berminat untuk menilai dahulu kecekapan serta keberkesanan kepimpinan parti tersebut dari semasa ke semasa. Walaubagaimanapun, terdapat separuh (50%) daripada responden yang menyatakan sokongan terhadap UMNO kerana mengenangkan jasa serta sumbangan parti itu (UMNO) kepada keluarga mereka.

Jadual 5 juga menunjukkan majoriti (80%) responden menyatakan bapa mereka merupakan ahli parti UMNO sejak dahulu dan 70 peratus daripada mereka mengakui sering berbincang serta berkongsi pendapat mengenai perjalanan dan perkembangan politik Malaysia.

Walaubagaimanapun, jadual 5 menunjukkan perbezaan dalam hasil kajian mengenai peranan ibu dalam membentuk prinsip politik anak-anak mereka. Sebahagian (53.33%) ibu responden mempunyai jawatan dalam UMNO dan hanya 30 peratus sahaja yang bersetuju mereka cuba membentuk pendirian politik anak-anak mereka.

Analisis menunjukkan lebih 60 peratus (63.33%) responden mengaku mempunyai ahli keluarga lain yang memegang jawatan dalam parti politik seperti AJK pendaftaran ahli cawangan, bendahari, ketua kempen dan sebagainya. Jadual 6 menunjukkan majoriti (80%) responden menggalakkan ahli keluarga lain untuk keluar mengundi serta berkongsi pendapat kesan sekiranya tidak keluar mengundi.

Jadual 5 turut membuktikan 70 peratus responden menjadikan politik sebagai topik utama dalam perbincangan keluarga mereka manakala lebih 60 peratus (63.33%) responden mempunyai aliran pemikiran politik yang sama dengan ibu bapa mereka. Sebagai tambahan, jadual 5 juga menjelaskan ketua keluarga memainkan peranan yang sangat penting dalam membentuk budaya politik masa kini. Hal ini dibuktikan

---

<sup>8</sup> Turut dikenali sebagai bola salji persampelan yang merujuk kepada teknik persampelan bukan kebarangkalian. Ia adalah teknik yang mudah untuk mengesan dan mendapat data responden lain daripada responden yang telah ditemui bual.

apabila sebahagian besar (60%) responden mempunyai aliran politik yang sama dengan ahli keluarga lain. Selain itu, sebahagian (50%) lagi responden mengakui sentiasa cuba mempengaruhi pendirian politik ahli keluarga lain.

Jadual 5 juga menjelaskan lebih 55 peratus (56.67%) responden akui keluarga mereka sangat memainkan peranan penting dan menjadi *role model* dalam membentuk budaya politik ahli keluarga yang lain. Akhir sekali, separuh (50%) lagi responden menyatakan mereka merujuk kepada pelbagai saluran penyampaian maklumat politik dan membuat penilaian politik sendiri berdasarkan pendapat serta pengalaman pihak tertentu seperti tokoh korporat, majikan, rakan-rakan sekerja dan pemimpin parti politik mereka.

#### **4.4 Penemuan Kajian Sama Ada Keluarga Kekal Sebagai Agen Utama Sosialisasi Politik**

Bahagian ini membincangkan objektif kajian yang pertama sama ada institusi keluarga masih kekal sebagai agen sosialisasi politik yang paling berpengaruh di Kampung Istana. Bahagian ini juga mengandungi 10 soalan yang berkaitan dengan peranan institusi keluarga dalam membentuk budaya politik ahli keluarga mereka. Tahap persetujuan responden telah dinilai mengikut jadual kelas yang disediakan seperti di bawah.

<b>Jumlah Skor</b>	<b>Tahap Persetujuan / Skala</b>
3.00-4.00	Sangat bersetuju
2.99-2.50	Kurang bersetuju
2.49-2.00	Tidak bersetuju
1.99 ke bawah	Sangat tidak bersetuju

Jadual 6: Respon Peranan Keluarga Sebagai Agen Sosialisasi Politik  
N=30

	Min	Sisihan Pawai
C.K.A.S.1	3.13	1.042
C.K.A.S.2	3.30	0.794
C.K.A.S.3	3.03	1.066
C.K.A.S.4	2.53	1.042
C.K.A.S.5	2.67	0.994
C.K.A.S.6	2.77	1.040
C.K.A.S.7	2.40	1.070
C.K.A.S.8	3.90	0.923
C.K.A.S.9	2.40	1.192
C.K.A.S10	2.40	1.248

Jadual 6 menunjukkan tahap persetujuan responden bersetuju (3.13) bahawa mereka menyokong UMNO kerana keluarga mereka merupakan ahli UMNO. Segala perlakuan, hasil perbincangan secara formal atau tidak formal telah mempengaruhi pemikiran anak-anak mereka semasa sedang membesar. Hasil kajian turut membuktikan sokongan mereka (3.30) terhadap UMNO kerana jasa parti tersebut telah banyak membantu keluarga mereka sejak merdeka sehingga kini.

Selain itu, jadual juga mendapati responden bersetuju (3.03) yang pendirian politik datuk dan nenek mereka merupakan pilihan yang tepat dan terbaik untuk pembangunan sosial dan ekonomi negara.

Jadual 6 juga menunjukkan bahawa responden kurang bersetuju (2.53) untuk mengajak ahli keluarga lain menyertai sebarang aktiviti anjuran UMNO atas beberapa faktor seperti kekangan masa dan menghormati hak kebebasan berpolitik ahli keluarga lain. Di samping itu, responden juga kurang bersetuju (2.67) untuk mengajak ahli keluarga lain untuk terus menyokong UMNO dan mereka juga kurang bersetuju (2.77) untuk mengajak memastikan anak-anak mestilah mengikuti aliran politik yang didokongi oleh ahli keluarga yang lebih tua. Masyarakat kini memberi kebebasan hak berpolitik dan bersuara kepada ahli keluarga masing-masing dan saling menghormati pendirian dan pandangan peribadi setiap individu di dalam keluarga mereka.

Hasil penemuan kajian seterusnya membuktikan yang responden sangat menolak peranan individu atau pihak lain mempengaruhi pendirian dan pemikiran politik ahli keluarga mereka (3.90). Sebagai tambahan, jadual atas juga mendapati responden tidak berhenti (2.40) menyokong UMNO kerana parti tersebut tidak lagi membantu orang Melayu. Akhir sekali, jadual 6 juga menunjukkan bahawa responden tidak tertarik (2.40) untuk menyertai parti politik lain yang lebih membantu kemajuan ekonomi negara terutama sekali ekonomi orang Melayu. Akhir sekali, responden juga tidak bersetuju (2.40) untuk mempengaruhi pendirian dan pandangan politik ibu bapa mereka kerana menghormati pendirian peribadi masing-masing.

Kesimpulannya, penyelidik mendapati bahawa keluarga kekal sebagai agen sosialisasi politik yang utama di kawasan kajian. Kebanyakan responden bersetuju bahawa pendirian politik mereka berdasarkan parti yang didokongi oleh keluarga mereka terutama ibu bapa mereka. Walaubagaimanapun, mereka tidak mempengaruhi anak-anak mereka kerana berpendapat anak-anak mereka mempunyai pendidikan yang lebih tinggi dan baik. Oleh itu, mereka menganggap anak-anak mereka mampu menilai situasi politik dan menentukan pendirian mereka sendiri tanpa dipengaruhi oleh individu atau pihak lain.

#### **4.5 Penemuan Kajian Tentang Agen-Agen Sosialisasi Politik Yang Berpotensi Mempengaruhi Penduduk Kampung Istana.**

Bahagian ini membincangkan objektif kedua kajian iaitu mengenal pasti agen sosialisasi politik lain yang lebih berpengaruh berbanding institusi keluarga. Terdapat 8 agen utama di mana setiap satunya mempunyai 4 sub-soalan yang dikemukakan kepada setiap responden. Tahap persetujuan responden telah dinilai mengikut jadual kelas yang disediakan seperti di bawah.

Jumlah Skor	Tahap Persetujuan / Skala
3.00-4.00	Sangat bersetuju
2.99-2.50	Kurang bersetuju
2.49-2.00	Tidak bersetuju
1.99 ke bawah	Sangat tidak bersetuju

Jadual 7: Respon Terhadap Tinggalan Sejarah  
N=30

	Min	Sisihan Pawai
DST1	3.57	0.568
DST2	3.40	0.770
DST3	3.17	0.950
DST4	3.43	0.898

Jadual 7 menunjukkan responden bersetuju (3.57) bahawa kekejaman Bintang Tiga di Batu Pahat sekitar tahun 1942 dan peristiwa berdarah 13 Mei 1969 (3.40) mendorong mereka untuk terus menyokong UMNO agar keselamatan dan kepentingan mereka sentiasa dijamin oleh parti tersebut. Selain itu, responden juga bersetuju (3.43) bahawa masyarakat Melayu masa kini terutama orang muda yang buta sejarah menjadi faktor utama perubahan politik yang besar pada PRU lepas. Akhir sekali, responden juga bersetuju (3.17), UMNO sukar mempertahankan kedudukannya di kawasan bandar terutama DUN Penggaram, Batu Pahat kerana populasi pengundi etnik Cina yang agak tinggi berbanding kawasan atau daerah lain. Secara ringkasnya, penyelidik mendapati tinggalan sejarah merupakan salah satu faktor atau agen sosialisasi politik yang berpengaruh di Malaysia.

Jadual 8: Respon Terhadap Institusi Pengajian  
N=30

	Min	Sisihan Pawai
DIP1	3.23	.728
DIP2	3.17	.699
DIP3	2.73	1.081
DIP4	2.40	1.102

Jadual 8 menunjukkan peranan institusi pendidikan sebagai agen sosialisasi politik. Responden bersetuju bahawa pengalaman belajar (3.23) dan pergaulan bersama rakan-rakan (3.17) di sekolah atau institusi pengajian tinggi menjadikan mereka lebih rasional dan peka terhadap hal ehwal semasa negara terutama sekali yang berkaitan politik. Selain itu, responden juga kurang bersetuju (2.73) isu yang dibahaskan oleh guru-guru menjadikan minda mereka lebih terbuka terhadap perubahan politik negara. Akhir sekali, responden tidak bersetuju (2.40) tentang peranan para pensyarah yang sering bertukar pandangan mengenai isu politik dalam dan luar negara membuatkan mereka lebih bijak menilai dan meneliti pencapaian setiap parti politik di Malaysia. Penyelidik dapat menyimpulkan bahawa institusi pendidikan bukanlah agen sosialisasi politik yang mempunyai pengaruh yang besar dalam menerangkan perubahan budaya politik di Kampung Istana.

Jadual 9: Respon Terhadap Institusi Kejiranan  
N=30

	Min	Sisihan Pawai
DKK1	3.03	1.066
DKK2	2.20	1.031
DKK3	3.20	0.847
DKK4	3.87	0.434

Jadual 9 menunjukkan responden bersetuju (3.03) untuk terus menyokong UMNO kerana majoriti ahli komuniti atau masyarakat mereka adalah 'orang UMNO. Walaubagaimanapun, mereka tidak bersetuju (2.20) bahawa jiran tetangga atau komuniti meminggirkan mereka sekiranya mereka mempunya pendirian atau fahaman politik berbeza atau memilih untuk tidak menyertai sebarang aktiviti anjuran UMNO. Sebagai tambahan, responden bersetuju (3.20) yang majoriti penduduk Kampung Istana menyokong UMNO kerana parti tersebut telah banyak membantu mereka dari segi kewangan dan sokongan moral dalam menjayakan aktiviti termasuk Rukun Tetangga di kawasan kajian. Akhir sekali, responden sangat bersetuju (3.87)

bahawa ketua Kampung Istana sentiasa mempengaruhi mereka untuk terus menyokong UMNO sehingga akhir hayat. Oleh itu, jiran tetangga atau komuniti merupakan salah satu agen sosialisasi politik di Malaysia tetapi ianya bukanlah agen sosialisasi politik yang utama..

Jadual 10: Respon Terhadap Peranan Parti Politik  
N=30

	Min	Sisihan Pawai
DPP1	3.10	1.029
DPP2	2.90	1.029
DPP3	2.80	0.925
DPP4	3.70	0.535

Jadual 10 menunjukkan responden bersetuju (3.10) yang parti politik Melayu sering dikaitkan dengan gejala rasuah menjadi punca utama kegagalan UMNO untuk terus mendapat sokongan rakyat tempatan. Jadual juga membuktikan responden tidak begitu peduli tentang calon yang bertanding asalkan mewakili parti yang disokong oleh mereka (2.90). Parti politik merupakan aspek utama yang dilihat oleh responden (2.80) berbanding kewibawaan dan keperibadian calon. Akhir sekali, responden sangat bersetuju (3.70) dengan kepentingan manifesto yang membawa pengaruh besar pada PRU yang lepas. Oleh itu, parti politik merupakan antara agen sosialisasi politik yang sangat berpengaruh di kawasan kajian. Walaubagaimanapun, pemilihan calon haruslah dilihat daripada pelbagai faktor seperti kewibawaan mereka, reputasi dan pengetahuan semasa dan ia mestilah selari dengan agenda parti agar jelas di mata penduduk tempatan.

Jadual 11: Respon Terhadap Peranan NGO  
N=30

	Min	Sisihan Pawai
DPP1	2.53	1.106
DPP2	2.13	1.042
DPP3	2.43	1.194
DPP4	2.43	1.006

Jadual 11 membuktikan aktiviti anjuran NGO menarik minat responden (2.53) dalam mengikuti perjalanan politik di Malaysia. Selain itu, responden tidak bersetuju (2.43) seterusnya tidak yakin bahawa NGO lebih memperjuangkan isu kebijakan rakyat berbanding parti politik itu sendiri. Jadual di atas juga menjelaskan bahawa

responden tidak bersetuju aktiviti anjuran NGO lebih membawa keburukan berbanding kebaikan kerana mereka mengatakan pernyataan ini bergantung kepada isu yang diperjuangkan. Akhir sekali, responden juga tidak bersetuju (2.13) bahawa masyarakat civil dan NGO merupakan agen utama sosialisasi politik yang berpengaruh di kawasan kajian dan berpendapat kedua-dua ini haruslah bersifat bebas dan berkecuali daripada mana-mana parti politik.

Jadual 12: Respon Terhadap Institusi Agama  
N=30

	Min	Sisihan Pawai
DIK1	2.33	1.061
DIK2	2.70	0.915
DIK3	1.77	0.858
DIK4	1.63	0.809

Jadual 12 jelas menunjukkan institusi agama bukanlah agen sosialisasi politik yang berpengaruh di Kampung Istana. Responden tidak bersetuju (2.33) untuk menyokong calon yang beragama Islam sahaja tanpa melihat parti yang diwakilinya. Mereka juga kurang bersetuju (2.70) memilih seseorang wakil rakyat berdasarkan akhlak dan keperibadian yang tinggi nilai agamanya semata-mata. Di samping itu, responden sangat tidak bersetuju (1.77) bahawa aktiviti masjid, surau atau mana-mana tempat beribadat mampu mempengaruhi pendirian politik mereka. Akhir sekali, responden juga sangat tidak bersetuju (1.63) untuk meminta pendapat ahli Jemaah masjid atau surau seperti ulama, imam, bilal dan pelbagai lagi dalam menilai situasi dan perubahan politik tanah air. Kesimpulannya, penyelidik mendapati bahawa pendirian agama dan institusi keagamaan bukanlah agen sosialisasi politik yang berpengaruh di Kampung Istana.

Jadual 13: Respon Terhadap Peranan Media Sosial  
N=30

	Min	Sisihan Pawai
DMS1	2.50	1.009
DMS2	2.67	1.028
DMS3	3.03	0.718
DMS4	2.60	1.163

Media sosial dilihat sebagai agen sosialisasi politik yang baru di Malaysia. Jadual 13 menunjukkan responden kurang bersetuju (2.50) untuk terus mempercayai dan menyebarkan (2.67) segala berita yang dilaporkan di saluran media sosial tanpa memeriksa sejauh mana kebenarannya. Jadual di atas juga membuktikan responden bersetuju bahawa *Facebook* menjadi pilihan utama dalam menilai politik semasa melalui pendapat dan pandangan pelbagai pihak tanpa tapisan. Akhir sekali,

responden juga akan terus melanggan surat khabar walaupun maklumat yang diterima di media sosial lebih cepat dan tepat tanpa sebarang agenda dan kepentingan mana-mana parti politik. Secara ringkasnya, media sosial ialah agen sosialisasi politik yang baru di Malaysia tetapi masih belum mampu mempengaruhi pemikiran dan orientasi populasi di kawasan kajian.

Jadual 14: Respon Terhadap Peranan Media Massa  
N=30

	Min	Sisihan Pawai
DMM1	3.00	0.695
DMM2	3.03	0.809
DMM3	3.30	0.915
DMM4	3.47	0.507

Jadual 14 menunjukkan responden bersetuju (3.00) untuk setia melanggan akhbar tempatan seperti Berita Harian dan menonton Berita Nasional seperti Buletin Utama dan Astro Awani dalam mengikut perkembangan politik Malaysia. Selain itu, mereka juga bersetuju (3.03) isu yang dilaporkan oleh media massa mampu mempengaruhi perilaku politik mereka dari semasa ke semasa. Mereka juga bersetuju (3.30) masyarakat muda kini tidak lagi membaca akhbar dan berita tempatan menjadikan mereka buta sejarah terutama sekali tentang perjuangan UMNO dalam menjaga kepentingan rakyat Malaysia terutama orang Melayu. Akhir sekali, responden juga bersetuju untuk terus mengekalkan akhbar Utusan Melayu kerana sumbangan besar syarikat akhbar tersebut selama 81 tahun di Malaysia terutama menggerakkan rakyat untuk mencapai kemerdekaan. Oleh itu, media massa konvensional juga merupakan agen sosialisasi politik yang mempunyai pengaruh di kawasan kajian.

Kesimpulannya, keluarga kekal sebagai agen sosialisasi utama masyarakat tempatan di kawasan kajian dan disokong oleh beberapa agen lain yang berpengaruh seperti tinggalan sejarah, parti politik dan media massa. Penyelidik dapat menilai bahawa beberapa agen sosialisasi lain banyak membantu mengukuhkan lagi peranan keluarga dalam membentuk budaya politik di kawasan kajian seperti tinggalan sejarah dan warisan oleh nenek moyang menyebabkan keluarga terutama ketua keluarga sering berkongsi cerita dan pengalaman mereka bersama UMNO sejak merdeka sehingga kini. Selain itu, penyelidik dapat menilai bahawa kebanyakan ahli keluarga responden juga merupakan mempunyai jawatan politik di kawasan kajian dan menyebabkan politik sering menjadi isu perbualan utama mereka sesama ahli

keluarga. Pemilihan calon yang bertanding dan manifesto yang dibawa oleh parti politik juga amat penting dalam membentuk orientasi politik di Kampung Istana.

#### **4.6 Hasil Analisis Sekiranya UMNO Masih Kekal Sebagai Kerajaan Pemerintah Tempatan Di Kawasan Kajian**

Bahagian ini membincangkan objektif kajian yang terakhir iaitu sekiranya UMNO kekal menjadi parti berpengaruh di Kampung Istana. Terdapat 12 soalan yang dikemukakan kepada responden untuk pengkaji mengenalpasti sekiranya perubahan politik ini bersifat kekal atau sebaliknya

Jadual 15: Adakah UMNO masih relevan dan berpengaruh?

N=30

	Min	Sisihan Pawai
EUK1	2.67	1.295
EUK2	3.00	1.112
EUK3	3.17	.834
EUK4	2.77	1.073
EUK5	3.53	.507
EUK6	3.57	.568
EUK7	3.57	.774
EUK8	3.70	.535
EUK9	2.77	.858
EUK10	2.77	1.194
EUK11	2.43	1.223
EUK12	1.47	.819

Jadual 15 membuktikan bahawa responden mengaku (2.67) bahawa kekalahan UMNO telah dijangkakan oleh sebahagian besar rakyat Malaysia dan mereka berasa terkesan (3.00) dengan kekalahan UMNO. Mereka juga turut merasakan kekalahan UMNO merupakan kesalahan paling besar yang dilakukan oleh rakyat Malaysia terutama orang Melayu. Mereka juga bersetuju (3.17) yang UMNO telah banyak membantu mereka tanpa mengira bangsa dan agama sehingga kini. Walaubagaimanapun, responden turut menyatakan untuk melihat dahulu agenda dan kepimpinan parti sebelum terus menyokong UMNO sehingga akhir hayat.

Hasil penemuan seterusnya mendapati responden juga sangat bersetuju (3.53) bahawa UMNO masih lagi relevan dan berpengaruh di daerah Batu Pahat dan melihat UMNO mempunyai masa depan yang cerah pada PRU-15 (3.70). Sebagai tambahan, responden sangat bersetuju (3.67) untuk kembali menyokong UMNO pada PRU-15.

Sebagai tambahan, mereka kurang bersetuju (2.77) bahawa perjuangan UMNO pada masa kini tidak seperti mana dahulu.

Jadual 15 membuktikan responden tidak berasa (2.77) bahawa skandal 1MDB<sup>9</sup> dan insiden-insiden yang melibatkan beberapa individu berpengaruh yang meninggalkan UMNO sebagai punca utama parti tersebut hilang sokongan dan pengaruhnya. Sebagai tambahan, responden juga tidak bersetuju bahawa PPBM merupakan parti baharu yang boleh melindungi keselamatan dan kebajikan rakyat terutama orang Melayu. Akhir sekali, responden sangat tidak bersetuju (1.47) yakin bahawa PKR adalah parti yang mampu memulihkan ekonomi negara dan membawa kepada perpaduan kepada semua bangsa di Malaysia.

Pada bahagian ini, penyelidik merumuskan bahawa UMNO masih kekal relevan dan berpengaruh di Kampung Istana. Kekalahan UMNO di peringkat negeri dan persekutuan merupakan sesuatu yang sangat tidak dijangka oleh rakyat Malaysia terutama orang Melayu. Kebanyakan mereka berasa sangat terkesan dengan perubahan politik di Malaysia. Walaubagaimanapun, selepas pembentukan gagasan Muafakat Nasional dan Perikatan Nasional bersama UMNO menjadikan responden berasa perubahan politik ini hanya bersifat sementara dan UMNO akan kembali menjadi parti politik Melayu yang lebih berintegriti, berwibawa dan berpengaruh menjelang PRU 15 akan datang.

#### **4.7: Pandangan Terbuka Responden Mengenai Perkembangan Politik Semasa dan Hala Tuju Serta Masa Depan UMNO di Malaysia**

Bahagian ini meneliti pandangan terbuka responden mengenai situasi politik di Malaysia dan hala tuju serta masa depan UMNO. Terdapat 5 soalan di dalam bahagian dan penyelidik menilai pandangan responden secara umum sahaja.

##### **4.7.1: Kemampuan BN (UMNO) untuk memenangi PRU akan datang di peringkat parlimen.**

Terdapat 2 pembahagian besar di dalam bahagian ini. Pertama, majoriti (76.67%) yakin bahawa UMNO mampu memenangi PRU pada peringkat parlimen dan yang kedua kumpulan yang tidak mempunyai keyakinan (23.33%) terhadap UMNO

---

<sup>9</sup> 1 Malaysia Development Berhad merupakan syarikat pembangunan strategik milik penuh kerajaan Malaysia di bawah Kementerian Kewangan Malaysia. 1MDB bermula sebagai Badan Kuasa Pelaburan Terengganu (TIA) iaitu sebuah tabung kekayaan berdaulat bertujuan untuk membangunkan ekonomi Terengganu.

Pada Julai 2009, Dato Seri Najib Tun Razak telah memperluaskan peranan TIA kepada entiti persekutuan untuk meningkatkan nilai keberhasilan jika dibandingkan dengan faedah dalam satu negeri sahaja.

berserta alasan mereka. Lebih 35 peratus (36.67%) berasa UMNO mampu membentuk kerajaan pemerintah di peringkat parlimen kerana mereka berasa kecewa, marah di atas kegagalan kerajaan PH mentadbir negara selepas PRU-14.

Hasil temuan dapat dihimpuni bahawa rata-rata responden kecewa dengan sikap ahli politik di dalam parti PH. Berikut merupakan beberapa pandangan terbuka responden apabila disoal penyelidik sekiranya UMNO mampu memenangi PRU-15 di peringkat parlimen.

R1 berkata “*PH ni pada pandangan mata saya, parti yang kucar kacir. Semua nak jadi PM. Pasal tu ada masalah dalaman*”.

R8 memberi respon, “*Menipu rakyat je pandai, buat janji 100 hari. Lepas tu kata manifesto kau bukan kitab suci.*”

R9 berkata, “*PH adalah kerajaan paling lemah saya pernah jumpa. Gagal tadbir Malaysia sebagus BN*”.

R11 berkata, “*Janji 100 hari, mana? PH samalah dengan Parti Hancing*”.

R17 berkata, (Mengeluh), *Pakcik ni undi PH dulu pasal PPBM bawah PH. Tapi pakcik kecewa dengan orang-orang dia. Asyik salahkan UMNO je. Sikit-sikit salah Najib. Semua rakyat dah tahu tu. Buat la keje*.

R22 berkata “*Ya, pakcik berasa UMNO mampu memenangi dan jadi kerajaan balik la lepas PRU-15. Orang-orang dalam PH ni pandai cakap je, kerja kosong. Lemah*”. (ketawa).

Penyelidik mendapati bahawa kegagalan kerajaan PH bukanlah sesuatu yang mengejutkan kerana struktur gabungan parti yang lemah dan sikap tamak pemimpin-pemimpin di dalam PH yang sama-sama bersaing untuk menjadi ketua negara. Selain itu, perpecahan dalam kerajaan PH membuka ruang serta peluang yang cerah kepada UMNO untuk kembali mendapatkan kepercayaan rakyat Malaysia untuk mentadbir negara. Akhir sekali, kegagalan PH dalam melaksanakan janji merupakan kesalahan terbesar yang dilakukan oleh kerajaan PH, sekaligus menyebabkan rakyat dapat melihat perbezaan yang sangat ketara antara pentadbiran kerajaan PH dan juga BN. Oleh itu, secara jelasnya peluang UMNO untuk kembali menjadi kerajaan pemerintah amat cerah dan mudah untuk memenangi majoriti kerusi di peringkat Parlimen.

Sehubungan itu, UMNO mempunyai harapan untuk kembali menerajui kerajaan di peringkat persekutuan kerana kekuatan parti itu sendiri dan parti ini masih lagi

mempunyai pengaruh yang besar dan penyokong di setiap lapisan masyarakat. Berikut adalah antara respon yang diterima penyelidik mengenai kedudukan UMNO di Malaysia.

R10 berkata, “*UMNO adalah parti yang berpengalaman dan seluruh rakyat Malaysia percaya dengan pengalaman UMNO dalam memajukan negara.*”

R12 berkata, *Eh boleh. UMNO orang da percaya balik dah. Tak salah buat pe nak kena lupakan UMNO.*”

R19 berkata, “*Tukar orang baru, muka baru, rekod baru. Telus dalam politik. Mesti boleh menang.*” (Penuh bersemangat)

R23 berkata, ”*UMNO boleh menang kalau Najib takde. Najib racun dalam UMNO*”.

R25 berkata, “*UMNO ni boleh jadi kerajaan sampai bila-bila kalau hapuskan rasuah dengan pemimpin-pemimpin yang busukkan parti.*”

Terdapat juga sebilangan kecil (20%) responden percaya UMNO mampu kembali membentuk kerajaan kerana rakyat Malaysia kini lebih 'celik politik' dan matang dalam menilai politik Malaysia. Terdapat beberapa komen daripada responden yang mendapat perhatian penyelidik seperti;

*R18 memberi padangan, “Rakyat Malaysia dah boleh beza buruk dan baik. Busuk wangi dalam politik.”*

R28 berkata “*Rakyat Malaysia tidak lagi terpengaruh dengan serangan persepsi pihak yang menabur fitnah seperti Parti Hancing.*”

R29 juga memberi pendapat “*Anak muda kena bangun, belajar banyak lagi pasal sejarah perjuangan atok nenek mereka. Lepas tu baru tahu kepentingan politik yang jaga orang Melayu.*”

Walaubagaimanapun, terdapat 20 peratus responden di kawasan kajian tidak yakin bahawa UMNO mampu menjadi kerajaan pemerintah kembali. Hal ini adalah kerana mereka berasa rakyat sukar untuk melupakan segala kelemahan dan kesalahan UMNO.

R17 berkata “*UMNO ni masih lagi banyak kaitan dengan rasuah. Susah nak menang hati rakyat terutama bukan Melayu.*”

R26 berkata, “*UMNO ni masih lagi selesa dekat posisi mereka. Macam tak kisah dengan hal rakyat. Semua fikir perut mereka.*”

#### **4.7.2: Kemampuan BN (UMNO) untuk memenangi PRU akan datang di peringkat negeri**

Penyelidik mendapati semua responden (100%) yakin bahawa UMNO akan kembali menjadi kerajaan negeri Johor sekiranya pilihanraya negeri dan/atau PRU-15 diadakan dalam masa terdekat ini. Hal ini kerana kajian ini dirangkakan sebelum perpecahan PH dan dilaksanakan selepas perpecahan parti komponen dalam kerajaan PH dan pada masa yang sama UMNO dan PAS telah bergabung di bawah Muafakat Nasional<sup>10</sup> (MN). Selepas pembentukan MN, pengkaji mendapati BN (UMNO) kembali mendapat keyakinan rakyat kerana kebanyakannya pilihan raya kecil yang melibatkan PH dan UMNO, keputusan undian majoriti banyak berpihak kembali kepada UMNO. Pada bulan Mac 2020, PPBM mengisyiharkan keluar dari kerajaan PH dan membentuk satu kerajaan baru bersama UMNO dan PAS yang dikenali sebagai Permuafakatan Nasional (PN)<sup>11</sup>.

R11 berkata, “*Pakcik rasa UMNO boleh menang tu. Kalau gabung elok-elok dgn PPBM. Pakat-pakat tarik undi orang Johor.*”

R24 memberi pandangan, “*Eloklah parti Muhyidin keluar PH. Gabung dengan PAS dan UMNO. Bagi ramai sokongan orang Melayu. Tinggalkan lah PH tu.*”

R28 berkata, “*Yela, dulu pakcik sendiri sokong PH sebab tolak Najib. Sokong PH sebab PPBM je. Ada Tun. Ada Muhyidin. Bagus dua-dua ni. PH boleh menang di Johor sebab Muhyidin dan PPBM ja. Ni da keluar PH, Barisan atau Perikatan (salah satu lah) tapi gabung dengan UMNO mesti boleh naik.*”

Terdapat juga beberapa responden yang memberi pendapat Johor kekal sebagai kubu kuat UMNO. Justeru, mereka melihat sesuatu yang agak mudah untuk UMNO memerintah kerajaan Johor (kembali rombakan kerajaan atau PRU-15 terjadi.)???

R1 hanya memberi respon, *UMNO ni dekat Johor macam kopi dan gula. (Sambil kacau cawan airnya). Kalau tiada gula, pakcik nak tanya awak. Pahit tak kopi ni? UMNO ni dengan orang Johor dah sebat!*”

---

<sup>10</sup> Muafakat Nasional adalah sesebuah gagasan kerjasama PAS dan UMNO yang dihasilkan daripada Piagam Muafakat Nasional semasa Himpunan Penyatuan Ummah pada 14 September 2019.

<sup>11</sup> Perikatan Nasional merupakan lanjutan manifestasi gabungan parti politik yang dibentuk pada 23 Februari 2020 dan dianggotai oleh Barisan Nasional, Parti Pribumi Bersatu Malaysia, Gagasan Sejahtera dan Gabungan Bersatu Sabah serta disokong oleh Gabungan Parti Sarawak.

R2 berkata, “Boleh, macam UMNO kat BP ni bawah Dato Fuad. Boleh menang la PRU nanti kembali.”

R7 berkata, “Eh mesti menang la kat Johor, Sultan dengan TMJ sendiri tak suka PH. Kuat fitnah.”

R19 berpendapat, “Inshaa Allah, Johor negeri di bawah UMNO dulu kini dan selemanya.”

R22 berkata, “Ya, UMNO boleh menang di Johor kerana bangsa Johor ni marah dengan Cina DAP. Sombong lepas menang.”

Akhir sekali, responden juga yakin UMNO mampu menjadi parti kerajaan kembali di negeri Johor dan peringkat persekutuan setelah struktur organisasi kepimpinan parti dirombak kembali dan barisan kepimpinan dipilih berdasarkan apa yang dihasratkan oleh rakyat. Mereka juga yakin selepas presiden UMNO dikenakan tindakan oleh mahkamah, rakyat akan kembali menyokong UMNO kerana punca utama parti tersebut kehilangan sokongan rakyat adalah daripada sikap segelintir pemimpin penting dalam parti itu sendiri.

#### **4.7.3: Parti yang didokongi oleh responden.**

Lebih 60 peratus (66.67%) mengaku bahawa mereka merupakan orang UMNO. Hal ini telah dijangkakan oleh pengkaji kerana kawasan Kampung Istana sangat dikenali dengan cawangan besar UMNO di Batu Pahat. Terdapat beberapa responden yang memberi sebab untuk mereka terus kekal menyokong UMNO di bawah;

R10 berkata, “UMNO bukan sahaja bantu keluarga saya, keluarga awak. UMNO ni dulu berjuang untuk dapat merdeka sekarang. UMNO juga majukan ekonomi negara dan naikkan nama negara kita dari macam2 aspek. Awak tanya-tanya pakcik macam-macam soalan, awak tu sokong apa?”

R15 berkata, “Saya ikut UMNO sejak dulu sebab mak pak saya orang kuat UMNO. Kalau saya sokong parti lain, tak hidup lagi saya sekarang. Bapak saya dulu garang, dia betul-betul pastikan kita sokong sama dengan dia.”

R19 berpendapat, “Mestilah orang UMNO. Identiti dan jiwa saya sejak kecil dah UMNO. UMNO berpecah ke apa. Saya kekal jadi UMNO yang asli dan pendirian kuat.”

R24 berkata, “Saya sokong UMNO sejak dulu sebab tu je lah satu-satu parti yang saya Nampak sepanjang saya membesar.”

Walaubagaimanpun, terdapat segilintir responden (33.33%) sahaja yang mengatakan tidak menyokong UMNO dan mereka mempunyai alasan yang kukuh untuk pendirian mereka.

R21 berkata, “*Tidak, saya muda lagi. Saya pernah hadir mesyuarat UMNO. PRU-13 tak silap saya. Masa dalam mesyuarat tu (terdiam), saya ada memberi pandangan dan pendapat tentang parti UMNO tetapi saya dihalau oleh ketua cawangan. Sejak tu, saya memang tak sokong UMNO.*”

R22 berkata, “*Entahlah, tapi saya tak sokong BN (UMNO) selagi ada muka-muka yang saya tak suka. Macam Zahid, Najib dan Ahmad Maslan. Dulu saya tak pegi mengundi pasal muka-muka nilah. Tapi jika muka-muka atas ni ada lagi dalam kepimpinan parti. Saya akan fikirlah nak jd orang UMNO lagi ke tak.*”

R28 memberi pandangan beliau, “*Saya sokong UMNO ni satu hal je. Parti yang sistematik dan berpengalaman.*”

Hasilnya, kebanyakan responden merupakan orang Melayu tetapi apabila terpengaruh dengan berita yang dipaparkan oleh media massa atau sosial menjadikan responden kecewa dan kurang berminat untuk terus menyokong UMNO dan memilih untuk tidak keluar mengundi daripada membuat pilihan undi yang salah.

#### **4.7.4: Parti yang dilihat mampu membantu orang Melayu**

100 peratus responden yakin bahawa UMNO dan PPBM parti yang sangat membantu bangsa Melayu. Hal ini sedikit berbeza dengan PAS kerana pembawakan PAS adalah untuk membantu agama Islam tanpa mengira bangsa dan warna kulit.

R5 berpendapat, “*Parti yang boleh bantu orang kita ni semua parti sebenarnya kecuali komponen-komponen parti dalam PH.*”

R15 menyatakan, “*UMNO, PPBM dan PAS. Semua orang dalam parti tersebut muka orang kita.*”

R26 berasa yakin bahawa PPBM dan UMNO mampu membantu orang Melayu lagi. “*PPBM dan UMNO merupakan parti yang diasaskan oleh orang Melayu sendiri tanpa campur tangan bangsa lain. Pakcik rasa (hurm) dua-dua nit ahu apa yang terbaik untuk orang Melayu.*”

Sentimen dan pandangan responden yang di atas jelas membuktikan bahawa Kampung Istana memilih parti berdasarkan kaum yang menjadi perwakilan suara mereka di peringkat parlimen dan DUN.

#### **4.7.5: Peranan NGO sebagai medium suara rakyat.**

Responden berasa tidak yakin bahawa NGO mampu menggantikan peranan parti politik dalam menyuarakan isu dan hak rakyat. Hal ini kerana fungsi NGO itu sendiri merupakan organisasi yang berkecuali dan bebas daripada mana-mana kepentingan politik. Selain itu, responden juga menyatakan bahawa budaya masyarakat Malaysia itu sendiri yang mempunyai sifat kebergantungan terhadap parti politik. Oleh itu, hal ini agak mustahil untuk NGO menggantikan tempat mereka. Tambahan pula, budaya politik Malaysia agak sukar untuk menerima parti politik baru yang jelas menunjukkan agenda mereka dalam membawa isu rakyat. Justeru, responden tidak berasa bahawa NGO mampu berperanan sama seperti parti politik. Akhir sekali, responden juga menyatakan bahawa pendidikan Malaysia masih berada di tahap sederhana. Oleh itu, minda mereka belum lagi terbuka untuk menerima peranan NGO sebagai saluran utama menyampaikan suara rakyat sama seperti rakyat di negara-negara demokrasi maju. Kebanyakan rakyat di negara maju seperti United States kelihatan lebih percaya kepada peranan NGO dalam memperjuangkan agenda politik mereka.

Pandangan ini dibuktikan dengan hasil kajian yang mendapati majoriti (93.33%) responden tidak bersetuju dengan kenyataan bahawa NGO mampu menyuarakan isu rakyat. Ia disokong mengikut 3 klasifikasi yang berbeza iaitu pertama, sikap rakyat Malaysia yang terlalu bergantung kepada parti politik sejak merdeka sehingga kini.

R28 berpendapat, “*Malaysia masih memerlukan perwakilan politik dan parti itu sendiri sebagai platform macam uncle cakap kat kamu tadi untuk membentuk kerajaan dan pengantara dengan rakyat dan pemerintah.*”

Hal ini juga disokong oleh responden lain yang mengatakan “*Malaysia memerlukan parti politik yang berpengalaman dalam urusan pentadbiran ekonomi dan pembangunan negara bukan sahaja di dalam negara malahan luar negara.*”

Perkara ini turut dirasai oleh responden ke-25 yang menyatakan “*Nak terima parti baru pun payah apatah lagi NGO.*” Hal ini turut disimpulkan oleh pengkaji bahawa budaya Malaysia yang amat bergantung kepada sesebuah parti polik dalam membawa suara mereka supaya didengari oleh pemerintah.

Selain itu, hasil kajian juga mendapati bahawa penglibatan NGO dalam aktiviti politik membawa lebih banyak keburukan berbanding kebaikan. Ia berdasarkan daripada beberapa respon yang diterima penyelidik seperti;

R9 berpendapat, “*Tidak, NGO wajib bebas daripada pengaruh mana-mana politik dan jauh daripada kepentingan mereka.*”

R13 juga memberi pandangannya, “*NGO hanyalah membantu kerajaan bukan menggantikan kerajaan dalam hal politik dan pentadbiran.*”

Walaubagaimanapun, terdapat dua responden yang memberi pandangan bahawa NGO mampu menggantikan badan politik sekiranya rakyat Malaysia diberikan pendidikan politik yang baik sejak kecil dan keadaan parti politik yang terlalu tidak stabil dan di luar kawalan. Ia diperkatakan oleh salah satu responden, “*Ya, NGO mampu menggantikan parti politik kalau yang lain dah teruk sangat tetapi mestilah diberikan pendidikan dan kefahaman politik yang baik.*”

Secara ringkasnya, penyelidik mendapati bahawa UMNO mempunyai masa depan yang cerah untuk kembali menjadi kerajaan pemerintah selepas PRU terdekat. Hal ini membuktikan UMNO masih lagi relevan dan berpengaruh bukan sahaja di kawasan kajian malah di peringkat persekutuan. Tambahan pula, PH telah melakukan beberapa kesilapan besar sepanjang dua (2) tahun mentabir negara seperti gagal melaksanakan janji mereka kepada rakyat, huru-hara dalam parti-parti komponen PH sendiri, masalah dalaman parti dan pelbagai lagi. Oleh itu, penyelidik meramalkan bahawa rakyat akan kehilangan kepercayaan mereka terhadap parti politik dan mula bergantung kepada badan NGO. Walaubagaimanapun, hasil kajian adalah bertentangan dengan ramalan penyelidik di mana majoriti responden tidak setuju untuk menjadikan NGO sebagai institusi dalam membawa suara rakyat. Hal ini adalah kerana ia sangat bertentangan dengan budaya politik di Malaysia dan sistem pendidikan di Malaysia masih jauh berbanding sistem pendidikan barat.

## **5.0: KESIMPULAN**

### **5.1 Pengenalan**

Kajian ini dilaksanakan untuk menentukan sekiranya keluarga kekal sebagai agen sosialisasi politik yang utama dan berpengaruh. Di samping itu, bahagian ini juga membincangkan peranan beberapa agen sosialisasi politik yang membantu dalam membentuk budaya politik di kawasan kajian. Bab ini turut menyimpulkan sekiranya perubahan politik di negeri Johor, khususnya Kampung Istana, Batu Pahat bersifat sementara atau sebaliknya. Akhir sekali, bahagian ini juga merumuskan hasil kajian secara umum dan memberi cadangan kajian yang boleh dijalankan pada masa akan datang.

### **5.2 Ringkasan Penemuan Hasil Kajian Secara Umum**

Terdapat tiga objektif utama dalam kajian ini. Pertama, untuk meninjau sekiranya keluarga masih kekal sebagai agen sosialisasi politik utama di kawasan kajian pada masa kini. Kedua, untuk mengenalpasti agen sosialisasi politik yang lebih berpengaruh berbanding keluarga dan ketiga, untuk mengetahui sekiranya sokongan orang Melayu terhadap UMNO dapat dikembalikan pada PRU akan datang.

Penemuan yang pertama mencapai objektif kajian di mana keluarga kekal sebagai agen utama sosialisasi politik di Kampung Istana. Terdapat 23 soalan yang dikemukakan kepada responden. Sebahagian besar daripada mereka mengaku orientasi politik mereka dipengaruhi oleh ahli keluarga yang lebih tua. Hasil kajian diteruskan dan mendapati pengaruh ibu bapa dalam menentukan perilaku politik anak-anak mereka tidak sekuat dahulu. Perubahan ini terjadi kerana ibu bapa kini lebih bersikap terbuka dan memberi kebebasan kepada anak-anak mereka untuk menentukan pendirian serta perilaku politik mereka sendiri. Hasilnya, mereka percaya bahawa kekalahan UMNO pada PRU-14 yang berpunca daripada kesilapan anak-anak muda yang terpengaruh dengan serangan persepsi yang dilakukan oleh parti politik lain dan tersalah dalam membuat pilihan. Sebagai tambahan, anak-anak muda juga tidak keluar mengundi pada PRU-14 menyebabkan UMNO kehilangan besar sokongan rakyat terutama komuniti kawasan kajian.

Oleh itu, ketua keluarga tidak lagi membenarkan pihak lain mempengaruhi pendirian politik anak-anak mereka dan sentiasa memastikan anak-anak mereka memilih parti politik yang mampu meningkatkan ekonomi negara dan menjaga kepentingan orang Melayu.

Penemuan kedua pula bertentangan dengan andaian awal kajian kerana pengkaji meramalkan terdapat agen sosialisasi politik yang lebih berpengaruh dan menyebabkan berlakunya perubahan politik Malaysia. Walaubagaimanapun, hasil kajian membuktikan tiada lagi agen yang mampu menandingi pengaruh keluarga dalam membentuk orientasi politik kawasan kajian tetapi terdapat beberapa agen yang sama-sama membantu institusi keluarga dalam menilai perkembangan politik tanah air. Agen yang paling berpengaruh selepas institusi kekeluargaan ialah tinggalan sejarah yang dialami oleh nenek moyang komuniti kawasan kajian menjadikan mereka berasa perlunya ada gagasan yang melindungi orang Melayu.

Selain itu, parti politik juga merupakan salah satu agen sosialisasi politik berpengaruh di kawasan kajian. Penyelidik mendapati parti politik haruslah lebih peka dalam proses pemilihan calon yang bertanding dan tidak mementingkan populariti calon. Pemilihan calon mestilah mengambil kira isu integriti dalam kepimpinan, pengetahuan politik dan ekonomi yang baik serta menjadi ahli politik yang mesra rakyat. Sebagai tambahan, manifesto yang digubal haruslah selari dengan agenda parti politik demi melindungi kebajikan dan keselamatan rakyat seterusnya memulihkan ekonomi Malaysia.

Akhir sekali, agen sosialisasi politik yang memainkan peranan penting di kawasan kajian adalah media massa. Lebih 85 peratus (86.67%) ketua keluarga yang ditemui bual merupakan responden yang berusia 40 tahun ke atas. Oleh itu, pemikiran politik responden agak matang dan mereka sentiasa menyemak kembali kesahihan maklumat yang diterima di media sosial, rakan-rakan termasuklah media konvensional. Mereka juga mengatakan bahawa masyarakat kini lebih cenderung mempercayai satu berita tanpa menyemak atau membaca akhbar tempatan seterusnya menonton berita nasional. Generasi muda dilihat sebagai golongan yang ‘buta sejarah’ terutama sekali tentang perjalanan politik Malaysia. Secara ringkasnya, hasil kajian ini adalah bertentangan dengan kajian yang dilakukan oleh Lee, (2012) yang mendapati bahawa institusi keluarga dan media konvesional sudah tidak lagi menjadi pilihan golongan kini terutama orang muda.

Penemuan ketiga jelas mendapati UMNO masih lagi berpengaruh di kawasan kajian. Penyelidik mendapati selepas peralihan kerajaan pemerintah, UMNO kehilangan sokongan rakyat Malaysia termasuklah orang Melayu dan struktur kepimpinan parti tersebut dilihat tidak stabil. Hasilnya, terdapat ramai individu berpengaruh telah mula meninggalkan parti dan majoriti komuniti kawasan kajian berasa sangat terkesan dengan perubahan tersebut. Selepas dua tahun PH menjadi kerajaan Malaysia,

penyelidik mendapati PH gagal mentadbir dan membangunkan ekonomi negara. PH juga tidak mampu melaksanakan janji-janji dalam manifesto PRU-14 dan ini menjadi antara punca utama kemarahan rakyat Malaysia. Hasilnya, kebanyakan rakyat Malaysia menunjukkan kekecewaan dan kemarahan mereka terhadap kerajaan PH di samping terdapat 11 Pilihanraya Kecil selepas PRU-14, 6 daripadanya dimenangi kembali oleh BN (UMNO). Hal ini jelas menunjukkan bahawa BN (UMNO) berjaya kembali mendapatkan kepercayaan rakyat Malaysia.

Di samping itu, UMNO telah memulakan strategi parti untuk menarik kembali undi majoriti masyarakat Melayu dan Islam. UMNO mula bekerjasama dengan PAS di bawah Muafakat Nasional dan seterusnya, bergabung dengan PPBM pada tahun 2020 dan membentuk kerajaan Perikatan Nasional (PN). Gabungan ini telah mendapat sokongan penuh bukan sahaja rakyat Malaysia malahan tokoh-tokoh politik dalam dan luar negara. Secara ringkasnya, penyelidik mendapati UMNO masih lagi berpengaruh dan mempunyai masa hadapan yang cerah untuk memenangi PRU akan datang.

Ternyata hasil penemuan ini tidak sepenuhnya menepati andaian awal kajian yang menyatakan terdapat agen sosialisasi lain yang lebih berpengaruh berbanding keluarga dalam membentuk orientasi komuniti tempatan di kawasan kajian. Akhir sekali, fungsi NGO yang pada awalnya dilihat mampu mengambil tempat parti politik dalam memperjuangkan isu berkaitan rakyat juga adalah sesuatu yang sukar dicapai kerana sikap kebergantungan rakyat Malaysia terhadap parti politik itu sendiri.

Untuk kajian akan datang, penyelidik menyarankan agar tinjauan dilakukan kepada individu atau ahli keluarga lain dan bukan hanya tertumpu kepada ketua keluarga sahaja agar dapatan kajian lebih tepat dan terperinci kerana pilihan politik merupakan pilihan peribadi individu dan tidak boleh ditentukan oleh sesiapa. Penyelidik juga mencadangkan saiz sampel responden juga perlu diperluaskan lebih daripada 100 orang dan pendekatan kualitatif hanya tertumpu kepada 10 orang sahaja supaya hasil kajian lebih relevan dan mewakili keseluruhan populasi di Kampung Istana.

### **5.3 Rumusan dan Cadangan Kajian**

Kajian ini pada asasnya telah mencapai ketiga-tiga objektif yang telah ditetapkan mengenai peranan agen-agen sosialisasi politik yang berpengaruh di Malaysia di samping melihat sekiranya perjuangan UMNO akan terhenti selepas PRU-14 atau ia akan kekal relevan kepada rakyat Malaysia, khususnya komuniti Kampung Istana. Hasil kajian ini diharapkan dapat memberikan satu ilmu dan manfaat kepada semua pihak yang membaca dan terlibat secara amnya dan pengkaji secara khususnya.

Penyelidik juga mendapati bahawa kajian ini seharusnya diteruskan lagi dengan melihat sekurang-kurangnya dua orang ahli keluarga dalam satu rumah mengenai orientasi politik mereka. Kajian ini juga harus diperluaskan lagi bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas tentang perubahan situasi politik di negara kita. Cadangan untuk kajian yang akan datang adalah menambahkan dua lagi agen sosialisasi politik lain yang dilihat berpengaruh dalam membentuk budaya politik di Malaysia iaitu peranan majikan dan Majlis Raja-Raja Melayu. Di samping itu, penyelidik juga mencadangkan bahawa populasi responden diperluaskan lagi daripada 30 ketua keluarga kepada 60 keluarga di mana pengkaji akan menemu bual sekurang-sekurangnya dua ahli dalam setiap keluarga responden. Selain itu, set soalan dalam borang kaji selidik juga perlu diperbaiki dan diringkaskan terus kepada objektif- kajian supaya hasil penemuan dijangka lebih tepat. Akhir penulisan, diharap kajian ini mampu menjadi titik permulaan kepada penyelidik lain untuk meneruskan penulisan yang berilmiah berkaitan dengan perkembangan politik di Malaysia.

## RUJUKAN

- Ahmad Nidzamuddin Sulaiman. 2002. *Budaya Politik dalam Masyarakat Majmuk di Malaysia*. Dlm. Abdul Monor Yaacop dan Suzalie Mohamad. *Etika dan Budaya Berpolitik dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia
- Almond, G. A & verba, S. 1984. *Budaya Politik: Tingkahlaku Politik dan Demokrasi di Lima negara*. Jakarta: P.T. Bina Aksara.
- Bridget, W.2013. *Buying Support- Najib “commercialisation of GE 13*.
- Brideget, W. 2018. *The End of UMNO: Essays on Malaysia’s Former Dominant Party (New and Expanded Post GE14 Edition)*. Gerak Budaya. Selangor.
- Case, W. 2010. *Malaysia’s 2008 General Election of 24 December 1995*. Electoral Studies 16 (1): 86- 95.
- Dawson, R.E & Prewitt, K 1969. *Political Socialization*. Boston: Little, Brown & Co.
- Fuziah Shaffie & Ruslan Zainuddin. 2000. *Sejarah Malaysia*. Fajar Bakti
- Ghazali Mayudin (2006). Demokrasi dan pilihan raya di Malaysia. Dlm. Gazali Jamaie, Sity & Zaini (ed.). *Demokrasi Kepimpinan dan Keselamatan dalam Politik Malaysia*. Bangi: Penerbit: UKM.
- Jamaie Hj. Hamil Mohd Mahadee Ismail, Nidzam Sulaiman, Suzanna Mohamed Isa & Zaini Othman. 2005. *Budaya Politik Melayu: Kesinambungan dan Perubahan*. Dlm. Sity Daud & Zaina Othman (pytn). *Politik dan Keselamatan*. Bangi: Penerbit: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Hariszuan Jaharudin. (2014). *Pilihan Raya Umum Ke-13: Perubahan Budaya Politik Malaysia dan Krisis Legitimasi Moral Barisan Nasional*. Kajian Malaysia, Vol 32 (2) 149-169.
- Mohd Ridhuan Tee Abdullah (2010). *Cabarang Integrasi Antara Kaum di Malaysia:Perspektif Sejarah, Keluarga dan Pendidikan*, Jurnal Hadhari, 3, 61-84.
- Owen, Diana. 2007. “*Political Socialization on the Twenty-First Century*. Recommendation for researchers

R. Kennetg Godwin & John C. Wahlke (1997) *Introduction to Political Science: Reason, Reflection and Analysis*. Harcourt Brace Company. United States of America.

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (2018). *Keputusan Pilihan Raya Dewan Undangan Negeri (Bahagian Pilihan Raya Negeri) Parlimen Batu Pahat, Johor*. Putrajaya. Available from: [www.spr.gov.my](http://www.spr.gov.my)

W. Philips Shively. *An Introduction to Political Science: Power and Choice* -9<sup>th</sup> edition.